


Jilid I
Bil. 55



Hari Jumaat
31hb Oktober, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWATAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6317]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undan-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri [Ruangan 6341]

USUL:

**Hilang Kelayakan Jadi Ahli Parlimen—Y.B. Encik Fan Yew Teng Di-
rujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan [Ruangan 6368]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat, 31hb Oktober, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M., A.S.D.K., A.D.K. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).

Yang Berhormat TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

RINGGIT MALAYSIA

1. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan apakah nilai sebenarnya ringgit Malaysia yang sentiasa turun naik itu dan sebab-sebab turun naik.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua, kadar pertukaran Ringgit, seperti juga dengan kadar pertukaran lain-lain matawang, adalah ditetapkan di pasaran pertukaran wang asing oleh pembeli-pembeli dan penjual-penjual matawang tersebut. Jika jumlah orang yang hendak membeli matawang tersebut lebih banyak daripada orang yang hendak menjual, harga atau nilai matawang tersebut mungkin naik. Samalah juga halnya jika sesuatu matawang itu sangat-sangat diperlukan oleh pembeli melebihi daripada mereka yang hendak menjual, harga matawang tersebut akan naik juga.

Sebaliknya, jika ramai penjual atau penjual tersebut sangat perlu menjual sesuatu jenis matawang, maka harga matawang tersebut akan turun. Adalah disedari bahawa keadaan permintaan dan penawaran di pasaran, berubah dari masa ke semasa, dan dengan sebab ini, nilai matawang lazimnya turun naik. Ringgit Malaysia, sama juga halnya dengan lain-lain matawang, dibeli dan dijual untuk berbagai jenis matawang, pada satu masa yang sama. Misalnya, seorang mungkin membeli paun sterling dengan menggunakan Ringgit. Di samping itu pula, pada masa yang sama, seorang lain mungkin menjual Francs Perancis untuk mendapatkan Ringgit. Orang yang ketiga pula, mungkin menjual dollar Amerika untuk Ringgit, di samping itu, orang yang ke empat pula, mungkin membeli Yen Jepun dengan menggunakan Ringgit kita. Maka dengan itu, tidaklah boleh dinyatakan, pada satu masa tertentu, mengenai nilai Ringgit yang sebenarnya, berbanding dengan kesemua matawang

asing yang lain. Apa yang boleh dinyatakan pada keseluruhannya ialah samada nilai Ringgit itu akan naik atau turun, berbanding dengan matawang yang lain. Saya suka menyatakan bahawa sejak beberapa minggu yang lepas ini nilai Ringgit kita telah bertambah tetap atau steady.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebabnya Ringgit Malaysia dalam seminggu dua ini turun jika dibandingkan dengan Dolar Singapura di mana harga Ringgit kita adalah lebih rendah sedangkan apa yang saya dengar selalu pihak Kerajaan mengatakan bahawa kedudukan ekonomi kita lebih teguh, simpanan Ringgit kita adalah utuh. Apakah sebab-sebabnya yang menjadikan begini?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah soalan lain iaitu perbandingan harga nilai matawang Ringgit kita dengan Singapura dan soalan itu saya akan jawab pada hari yang lain oleh kerana ada soalan-soalan yang menepati berkenaan dengannya.

RATU CANTIK

2. Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) samada beliau akan mengharamkan pertandingan Ratu Cantik di Negara ini;
- (b) sekiranya beliau akan mengharamkan pertandingan Ratu Cantik di Negara ini, bilakah tarikh permulaan pengharaman tersebut; dan
- (c) sekiranya beliau tidak akan mengharamkan pertandingan Ratu Cantik di Negara ini apakah sebabnya.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Rais bin Yatim): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyoalkan soalan ini Ahli Yang Berhormat itu mungkin menganggap bahawa kuasa mengharamkan pertandingan Ratu Cantik ini adalah terletak semata-mata kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sebenarnya, kuasa sebegini tidaklah ada pada Kementerian ini. . . .

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: On a point of order.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau on a point of order, sila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen duduk dahulu.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya menghantar soalan ini ditujukan kepada Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, tetapi telah ditulis di sini kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Jadi, saya anggap bahawa mungkin Kerajaan telah mengarahkan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjawab soalan saya.

Tuan Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar dahulu! Sekarang Menteri yang berkenaan pun tidak dapat hadir kerana uzur. Oleh itu, tidak mengapalah mana-mana Menteri pun adalah dalam satu Kabinet juga.

Tuan Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dikemukakan kepada Kementerian saya dan oleh itu adalah tanggungjawab bagi Kementerian untuk memberi jawapan. Dalam menyoalkan soalan ini Ahli Yang Berhormat itu menganggap bahawa kuasa mengharamkan peraduan ratu cantik ini adalah terletak semata-mata pada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Sebenarnya, kuasa sebegini adalah dipegang oleh dan terletak pada kuasa-kuasa seperti Kerajaan Negeri, Majlis-majlis Tempatan dan lain-lain Jabatan Kerajaan yang bersabit. Oleh yang demikian, sebarang persoalan demikian tidak dapatlah diputuskan atas kuasa mutlak Kementerian ini, dan oleh sebab itu soalan (b) dan (c) tidak payahlah dijawab dalam jangka soalan ini.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa ratu cantik adalah satu amalan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam sebagai agama rasmi negara kita?

Tuan Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kesedaran demikian memanglah diterima iaitu Islam sebagai agama rasmi

tanahair, ianya mempunyai beberapa prinsip atau tenet yang bertentangan dengan acara-acara seperti peraduan ratu cantik. Tetapi untuk membuat satu keputusan muktamad dan mengenakan pengharaman yang demikian tidaklah dapat diputuskan dengan begitu sahaja, ianya memerlukan satu kajian, penyelarasan dan juga penelitian yang amat penuh sebelum sebarang tindakan diambil oleh pihak Kerajaan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sedar bahawa masalah ratu cantik ini telahpun begitu meruncing dan mengganggu-gugat akhlak belia-belie. Maka dengan hal yang demikian, perlu diambil tindakan dengan serta-merta.

Tuan Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan lain, dan pada pendapat saya tidak payah dijawab.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau tidak mahu jawab, lain kali tidak payah bangun.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Sebagai langkah permulaan, adakah pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ber-cadang untuk mengarahkan persatuan-persatuan belia dan kelab-kelab belia di bawah Kementerannya supaya tidak menggalakkan pertandingan ratu cantik?

Tuan Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu bolehlah dipertimbangkan.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertandingan ratu cantik ini sedang hangat diperbincangkan oleh rakyat, sebagaimana juga tarian separuh bogel. Adakah pertandingan ratu cantik sama dengan pertunjukkan tarian separuh bogel?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tiaptiap satu pertanyaan di bawah Standing Order 23 tidak boleh menanya tentang fikiran atau pendapat yang seperti itu, jadi tidak payah dijawab.

PINJAMAN BUKU TEKS

3. Toh Puan Onn Zariah binti Abu Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pinjaman buku-buku teks boleh diberi kepada murid-murid tanpa mengira pendapatan ibu-bapa atau penjaga mereka dan bilangan anak-anak yang masih bersekolah.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Pinjaman buku teks tidak dapat diberi kepada murid-murid tanpa mengira pendapatan ibu-bapa atau penjaga mereka dan bilangan anak-anak oleh kerana dua sebab berikut:

- (1) Perbelanjaan baginya akan meningkat tinggi iaitu tidak kurang daripada kadar 25%; dan
- (2) Ini adalah bertentangan dengan dasar rancangan pinjaman buku teks di mana ianya bertujuan untuk mengurangkan bebanan dan penderitaan ibu-bapa yang berpendapatan rendah di masa inflasi ini.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang hendak memberi buku-buku teks kepada anak-anak atau kepada murid-murid daripada ibu-bapa yang berada dengan cara bayaran, kerana biasanya buku-buku teks yang dibahagikan pada sekolah-sekolah di tiap-tiap darjah itu sukar didapati untuk dibeli di kedai-kedai tempatan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Saya telah mendapat beberapa rayuan berkenaan dengan masaalah kesukaran ibu-bapa yang mampu membeli buku teks ini untuk mendapat buku teks tersebut. Perkara ini sedang diteliti oleh Biro Buku Teks dan satu keputusan akan diambil tidak berapa lama lagi.

YUNIT PERAWATAN SAKIT JANTUNG DI HOSPITAL

4. Tuan Chian Heng Kai (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kesihatan memberi nama hospital-hospital yang mempunyai yunit-yunit perawatan sakit jantung dan yunit-yunit perawatan intensif, dan nyatakan samada langkah-langkah sedang diambil untuk mengadakan sekurang-kurangnya sebuah yunit perawatan intensif di setiap hospital besar.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, hospital-hospital yang berikut di bawah ini ada mempunyai yunit-yunit perawatan sakit jantung dan perawatan intensif:

Hospital Besar, Alor Setar	Yunit Perawatan Intensif 6 buah katil.
Hospital Besar, Pulau Pinang	Yunit Perawatan Intensif 6 buah katil.
Hospital Besar, Kuala Lumpur	Yunit Perawatan Intensif 16 buah katil.
	Yunit Perawatan Jantung 10 buah katil.
Hospital Besar, Seremban	Yunit Perawatan Intensif 10 buah katil.
Hospital Besar, Melaka	Yunit Perawatan Intensif 4 buah katil.
	Yunit Perawatan Jantung 6 buah katil.
Hospital Daerah, Batu Pahat, Johor	Yunit Perawatan Jantung 6 buah katil.
Hospital Daerah, Keluang	Yunit Perawatan Intensif 6 buah katil.
Hospital Besar, Johor Bahru	Yunit Perawatan Intensif 6 buah katil.
	Yunit Perawatan Jantung 8 buah katil.
Hospital Besar, Kota Bharu	Yunit Perawatan Jantung 6 buah katil.

Kementerian saya memang bercadang hendak menubuhkan yunit-yunit perawatan intensif di setiap hospital besar, tetapi ini akan dijalankan berperingkat-peringkat.

MAS—HAK PENDARATAN DI KUWAIT

5. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Perhubungan menyatakan samada benar bahawa dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke London, MAS tidak mendapat hak pendaratan di Kuwait, walhal kapal terbang-kapal terbang MAS berhenti di sana dan MAS mempunyai pejabat cawangan di sana, jika ya, apakah usaha yang akan dijalankan untuk mengatasi masaalah ini dan samada beliau bercadang memohon hak pendaratan di negara-negara Timur Tengah yang lain.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, mengenai penerbangan MAS dari Kuala Lumpur ke London, MAS hanya diberi had membawa penumpang di antara Kuala Lumpur/Kuwait. MAS tidak diberi had membawa penumpang dari Kuwait ke

London oleh kedua-dua pihak berkuasa Kuwait dan United Kingdom. Perbincangan akan diadakan tidak lama lagi dengan pihak berkuasa Kuwait dan United Kingdom untuk mendapatkan hak membawa penumpang di antara Kuwait dan London bagi MAS.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapa MAS hanya mengadakan dua perkhidmatan seminggu ke London, sedangkan jumlah penumpang-penumpang ke London adalah ramai.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar pada masa sekarang penumpang-penumpang ke London adalah ramai. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum MAS adalah baru sahaja ditubuhkan tiga tahun dan di dalam masa tiga tahun ini kita dapat menjayakan perkhidmatan MAS kepada beberapa tempat. Tetapi sungguhpun begitu ada juga beberapa sebab kita tidak dapat mengadakan lebih trips ke London dan pada masa sekarang kita ada berunding dengan United Kingdom untuk mendapatkan lebih had dan mengadakan perkhidmatan ke London. Kita percaya tidak lama lagi kita akan mengadakan lebih traffic rights ke London.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah difahamkan Malaysia telah memberi hak penerbangan ke Tokyo tiap-tiap hari, soalnya kenapa MAS tidak mengadakan penerbangan tujuh kali seminggu ke Tokyo sepertimana yang telah dipersetujui?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, inipun adalah satu soal yang kita ada berunding dengan Kerajaan Negeri Jepun supaya patut kita adakan service tiap-tiap hari. Pada masa sekarang kita ada empat hari untuk perjalanan terus ke Tokyo, dan dua hari kita berhenti di Taiwan dan pergi ke Tokyo. Walau bagaimanapun, kita ada meminta kepada Kerajaan Negeri Jepun untuk membincangkan perkara ini bagi mendapatkan MAS mengadakan perkhidmatan tiap-tiap hari ke Tokyo.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, adakah beliau sedar atau tidak masalah penggunaan Penerbangan MAS

ini ada diantara pegawai-pegawai Kerajaan kita terbang dengan tidak menggunakan Penerbangan MAS, dan kalau sedar, apakah tindakan yang akan dibuat?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya pegawai-pegawai Kerajaan ada mendapat arahan daripada Kerajaan untuk menggunakan penerbangan MAS di mana-mana tempat yang MAS ada buat penerbangan, tetapi ada juga tempat yang mana MAS belum ada jalan barangkali pegawai-pegawai itu tidak menggunakan Penerbangan MAS.

AKTA PENYELARASAN PERINDASTRIAN

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan akan menimbang memansuhkan Akta Penyelarasan Perusahaan memandang adanya kebimbangan dan kekuatiran yang timbul di kalangan perusahaan di negara ini oleh Akta tersebut; jika tidak, mengapa.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Akta tersebut selepas dibincangkan dengan mendalam dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Sebabnya kita tidak berhajat memansuhkan Akta ini ialah terutamanya kami berpendapat bahawa kebimbangan dan kekuatiran di kalangan perusahaan terhadap Akta ini adalah disebabkan oleh perkara-perkara yang dianggap tidak begitu difahami dengan tepatnya oleh pihak-pihak yang berkenaan terhadap tujuan-tujuan undang-undang ini. Di dalam perkara ini saya telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan badan-badan pengilangan dan Dewan-dewan Perniagaan untuk menjelaskan pada mereka tujuan-tujuan, matlamat-matlamat dan sebab-sebab yang diadakan Undang-undang ini. Selain daripada itu juga, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengaturkan seminar-seminar untuk pihak pengusaha-pengusaha supaya saya dan pegawai-pegawai yang berkenaan dapat memberi penjelasan tentang tujuan-tujuan undang-undang ini. Saya telah mengadakan seminar yang pertama kalinya diadakan di Pusat Daya Pengeluaran Negara dimana sambutan

dari pihak-pihak pengilang-pengilang, pengusaha-pengusaha dan juga saya percaya daripada perkara-perkara yang pada masa-masa yang lepas meletakkan kebimbangan di atas Undang-undang ini dan sambutan daripada pihak-pihak ini adalah sungguhpun menggalakkan.

Selain daripada itu, sebab pihak Kerajaan tidak mahu memansuhkan Akta ini adalah oleh kerana kami berpendapat sebagaimana yang telah dijelaskan dengan panjang-lebar di Dewan yang mulia ini pada masa Undang-undang ini dibahaskan dan diluluskan bahawa memandangkan kepada perkembangan perusahaan yang begitu pesat pada masa ini dan ada masa ke hadapan, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin maklum, bidang perusahaan ini adalah memberi 16% pendapatan dari segi wang luar dengan kita menjual barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang ini. Maka sudah tentulah masanya sudah sampai dalam mana kita patut mengadakan satu Undang-undang untuk menyelaraskan dan untuk mengkoodinasikan segala aspek-aspek perusahaan supaya perusahaan ini dapat berjalan dengan teratur dan licin.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri yang berkenaan sedar walaupun beliau dan pegawai-pegawai kanan Kementerian beliau telah berjumpa dan menerangkan Rang Undang-undang tersebut kepada pengilang-pengilang dan Dewan Perniagaan, mereka masih khuatir, masih bimbang atas Akta tersebut. Jika beliau sedar apa tindakan Menteri yang berkenaan akan mengambil supaya Menteri atau pegawai-pegawai Kementerianya boleh menghapuskan kekhawatiran atau kebimbangan mereka seperti yang disebutkan oleh saya.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, selepas saya mengadakan seminar dalam mana badan-badan perniagaan dan pengusaha-pengusaha telah bersama-sama menghadiri seminar ini, saya belum lagi dapat lapuran mengatakan masih ada lagi pihak-pihak yang berkenaan masih menaruh kebimbangan dan keraguan terhadap Rang Undang-undang ini, tetapi dalam pada itu sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat mengatakan, mungkin ada. Kita tidak boleh memuaskan hati orang 100% terhadap mana-mana undang-undang.

Undang-undang yang lain yang ada sekarang inipun saya percaya tidak ada 100% orang yang mempersetujui undang-undang. Jadi, bagi kita menarik semula undang-undang oleh kerana ada empat, lima orang yang tidak bersetuju, rasa saya, adalah tindakan yang tidak bijak, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin bersetuju. Jadi kalau sekiranya betul sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu ada lagi orang yang menaruh kebimbangan, sukaiah saya memberi penjelasan dan pengakuan di sini bahawa pihak saya dan pegawai-pegawai saya akan terus memberi segala penerangan yang perlu untuk menghapuskan kebimbangan dan keraguan di kalangan orang ramai ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri yang berkenaan sedar umpamanya, satu provision di dalam Akta ini "in the national interest", boleh disalahgunakan oleh pegawai-pegawai Kementerianya dan itulah pengilang-pengilang dan Dewan Perniagaan semua khuatir walaupun Menteri dan pegawai-pegawai kanannya boleh menerangkan seratus kalipun, mereka khuatir oleh sebab kuasa itu boleh disalahgunakan oleh sesiapa juga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini hypothetical question dan soalan tambahan ini sudah dibincangkan dengan sepenuhnya dalam masa Rang Undang-undang ini dibahaskan dahulu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahan lain, boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Menteri yang berkenaan menyatakan soalan ini perlu oleh sebab 60% harta di dalam corporate sector dipunyai oleh orang asing dan untuk menyelaraskan atau seimbangkan wang di dalam corporate sector, maka Akta ini perlu. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar Kerajaan boleh mencapai tujuan itu dengan tidak menggunakan Akta tersebut?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan sedikit, mungkin ada kekeliruan di atas perkara yang saya telah

menyatakan tadi dalam mana Ahli Yang Berhormat menyebutkan angka 60% daripada pelaburan luar mempunyai kilang atau pendapatan daripada perusahaan, itu bukanlah perkara yang saya sebutkan tadi, yang saya katakan tadi 16% daripada pendapatan wang yang kita perolehi daripada luar negeri adalah daripada perusahaan penjualan barang-barang yang kita keluarkan daripada kilang-kilang yang kita jual keluar negeri.

Tentang pertanyaan samada perlu kita adakan undang-undang ini memandangkan kepada kemajuan, Yang Berhormat kata kita capai di dalam bidang perusahaan, suka saya menyatakan di sini bahawa undang-undang ini akan menjamin kemajuan yang saya rasa lebih pesat lagi di dalam bidang perusahaan memandangkan kepada, sebagaimana saya katakan tadi tidak adanya undang-undang pada masa ini yang menyelaraskan berbagai aspect perusahaan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin maklum cuma 10% daripada kilang-kilang perusahaan yang bergerak sekarang ini yang mendapat galakan ataupun incentive di bawah Undang-undang Galakan Pelaburan, 1968 sahaja yang termasuk di bawah satu-satu kuasa undang-undang.

Jadi dengan kerana ini berbagai-bagai masalah telah dan mungkin berbangkit berkenaan dengan perjalanan kilang-kilang perusahaan dalam negara ini. Kita ada masalah pollution dan kilang. Kilang dalam negara ini persaingan (in competition) antara satu dengan lain dari segi capacity, dari segi pengeluaran dan dari segi berbagai-bagai perkara. Jadi kalau tidak ada undang-undang yang boleh menyelaraskan segala aspek perusahaan, maka sudah tentulah 90% kilang-kilang yang bergerak sekarang ini tidak termasuk di bawah kawalan mana-mana undang-undang akan berkembang maju dengan tidak ada langsung kuasa kepada kita untuk mengawasi perjalanannya. Oleh kerana itu sudah tentu boleh membangkitkan berbagai-bagai masalah yang saya katakan tadi.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawasanya Akta Penyelarasan Perusahaan ini telah mendapat sambutan yang hangat dari sejumlah besar warganegara Malaysia dan telahpun diluluskan dan telahpun diterima oleh sejumlah besar daripada pihak-pihak swasta yang tersusun di dalam negara ini kerana mereka tahu tujuan baik Akta ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya menerima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu. Yang sebenarnya, memang ada sambutan yang baik daripada sejumlah besar, bukan sahaja pengusaha-pengusaha dalam negeri, bahkan juga sebagaimana yang telah dibuktikan di dalam Seminar Pelaburan yang baru kita adakan di antarabangsa banyak juga pelabur-pelabur asing yang menyambut baik Akta tersebut itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan (rules and regulations) di bawah Akta tersebut sudah diadakan atau tidak. Kalau belum diadakan bolehkah Menteri yang berkenaan memberi jaminan di dalam Dewan ini, beliau akan berhubung dengan semua pengilang-pengilang dan Dewan Perniagaan untuk menerangkan peraturan-peraturan tersebut kepada mereka supaya selepas peraturan-peraturan tersebut digezetkan mereka tidak akan khuatir atau bimbang lagi.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya menerima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membuat soalan itu kerana memberi kesempatan kepada saya untuk memberi penjelasan juga bahawa peraturan-peraturan (regulations) di bawah undang-undang ini adalah sekarang ini telahpun disediakan oleh Kementerian saya. Sebagaimana yang saya telah janjikan kepada Dewan-dewan Perniagaan dalam majlis perjumpaan di antara saya dengan mereka, saya akan membentangkan peraturan-peraturan ini kepada mereka dan memberi kesempatan bagi mereka mengkaji dan kalau perlu memberi pandangan-pandangan mereka terhadap peraturan ini. Undang-undang ini akan dikuatkuasakan hanya apabila peraturan-peraturan di bawah ini telah kita rangkakan dan kita siapkan.

FELCRA MEMULIHKAN TANAH

7. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan samada FELCRA bersedia memulihkan tanah yang diperolehi dari Kerajaan secara beramai-ramai, jika ya, nyatakan masa yang diambil untuk meluluskannya.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, FELCRA sentiasa bersedia memulih tanah-tanah yang ditawarkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri tertakluk kepada keadaan kewangan Lembaga dan keadaan kawasan-kawasan yang berkenaan itu sendiri. Ini adalah bagi menjamin kejayaan kawasan-kawasan yang dipulih itu agar segala perbelanjaan pembangunan yang terlibat akan dapat dikutip kembali dan peneroka-peneroka akan menerima pendapatan yang memuaskan di masa hadapan kelak.

Sebelum satu-satu permohonan itu dapat diluluskan, satu feasibility study perlu dijalankan dengan rapi bagi menentukan kesuburan dan kesesuaian tanah dan ini melibatkan tindakan-tindakan daripada Jabatan-jabatan Pertanian, Parit dan Taliair dan pegawai-pegawai Lembaga. Selepas itu perkara ini dirujuk kepada pihak Perbendaharaan bagi mendapatkan peruntukan kewangan. Maka dengan itu tiap-tiap permohonan yang diterima daripada Kerajaan Negeri dengan semestinya akan memakan masa beberapa bulan sebelum ianya diluluskan oleh Lembaga.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa banyak tanah-tanah yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Trengganu di bawah sekim Rancangan Tanah Pinggir dan Rancangan Tanah Terkawal mereka lebih cenderung untuk diserahkan kepada pihak FELCRA untuk menjayakannya setelah rancangan itu kurang mendapat kejayaan di masa yang lalu. Tetapi kebanyakannya tidak diterima oleh pihak FELCRA untuk dijalankan oleh mereka. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar dan apakah Yang Berhormat Menteri akan menimbangkan untuk masa yang akan datang agar rancangan-rancangan ini dapat dilaksanakan oleh FELCRA.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perkara yang seperti ini timbul mestilah ada sebab-sebabnya iaitu ada kemungkinan yang syarat-syarat yang dikehendaki oleh pihak FELCRA tidak dipenuhi. Walau bagaimanapun, pihak FELCRA akan menimbangkan jika sekiranya permohonan seperti ini ada berlaku pada masa yang akan datang.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap pendengaran saya tadi di mana Menteri yang berkenaan ada menyatakan bahawa rancangan ini akan dijalankan mengikut kewangan yang ada. Jadi, soalan tambahan saya, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan keadaan sekarang ini adakah kewangan Kementerian yang berkenaan mampu untuk melaksanakan projek-projek baru bagi pelaksanaan rancangan ini.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun Kementerian Tanah dan Galian membuatkan satu-satu estimate untuk menyelenggarakan beberapa sekim, jadi tiap-tiap satu projek yang dipohonkan itu adalah terpaksa ditimbang dan seperti kata saya tadi bergantung kepada adanya wang ataupun tidak. Ini kita tidak dapat memberi keputusan kerana ini bergantung kepada pihak Perbendaharaan.

PEKERJA-PEKERJA LADANG GETAH—KEKURANGAN TEKSI

9. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak pekerja-pekerja ladang getah mengadu bahawa teksi-teksi ladang getah selalu tidak ada di kawasan ladang getah itu, jika ya, apakah tindakan beliau akan ambil supaya memperbaiki keadaan itu.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya adalah mengambil perhatian yang berat terhadap aduan-aduan yang diterima daripada orang ramai mengenai pelesen-pelesen teksi yang tidak menjalankan perkhidmatan di dalam kawasan pengkalan yang ditetapkan dalam permit mereka tidak kira samada di dalam kawasan-kawasan ladang getah ataupun di mana-mana juga. Tindakan yang sewajarnya

adalah diambil dari masa ke semasa ke atas pelesen-pelesen yang didapati melakukan kesalahan tersebut seperti memberi amaran keras, menggantung permit dan jika perlu membatalkan lesen-lesen teksi mereka.

Soalan dari Ahli Yang Berhormat itu nampaknya agak umum oleh kerana butir-butir lengkap mengenai aduan itu tidak dinyatakan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya adalah bersedia mengambil tindakan yang sewajarnya jika aduan tersebut diterima dan maklumat-maklumat mengenai teksi dan kereta-sewa di kawasan-kawasan ladang getah yang dimaksudkan itu dikemukakan untuk membolehkan penyiasatan dijalankan.

Tuan Loh Fook Yen: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa teksi-teksi di ladang itu oleh kerana membayar cukai (road-tax) sama juga seperti teksi di bandar, maka terpaksa teksi-teksi di ladang itu mencari tempat yang lain untuk mencukupkan bayaran road tax itu. Maka soalan tambahan saya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang supaya teksi-teksi ladang itu membayar lebih murah road tax mereka.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan tambahan itu tidak bersangkutan dengan soalan pokok. Tetapi walau bagaimanapun, jika rakan saya Ahli Yang Berhormat itu boleh mengemukakan kes-kes yang specific, barangkali Kementerian saya akan kajikan dan mengambil sesuatu keputusan yang sesuai.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi pengakuan bahawa tiap-tiap ladang akan diberi sekurang-kurangnya satu lesen teksi?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah menyatakan tadi jika ada mana-mana ladang getah meminta lesen, jadi tiap-tiap kes akan menerima pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pengakuan bahawa tiap-tiap ladang akan diberi sekurang-kurangnya satu lesen kecil?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya cuba nyatakan tadi, jika ada sesuatu ladang getah itu meminta, tiap-tiap kes itu akan menerima pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi pengakuan membuat satu dasar supaya tiap-tiap ladang sekurang-kurangnya mempunyai sebuah teksi?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu keluar sedikit daripada soalan asal.

TUGU PERINGATAN KEBANGSAAN/ TERAJIDI DI IBU PEJABAT PASUKAN POLIS HUTAN

8. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah kejayaan pihak Polis dan pihak yang berwajib mengambil tindakan terhadap pengkhianat-pengkhianat yang melakukan angkara yang sangat teruk meletupkan Tugu Peringatan Kebangsaan dan terajidi kejam di Ibu Pejabat Pasukan Polis Hutan kawasan tengah di Jalan Pekeliling Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis telah dan sedang memburu mereka yang bertanggungjawab mengenai perbuatan durjana ini, dan beberapa tangkapan sudahpun dilakukan. Setakat ini saya tidak berhajat untuk memberi butiran lanjut kerana penyiasatan masih lagi dijalankan.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Dalam soalan ini ada menyebutkan iaitu trajidi kejam yang berlaku di Pejabat Pasukan Polis Hutan yang terletak di Jalan Pekeliling itu. Saya hendak bertanya samada Menteri yang berkenaan sedar bahawa kawasan itu adalah satu kawasan kediaman orang ramai pada asalnya bukan bertujuan untuk dijadikan kawasan Polis. Oleh sebab keadaan itu, saya rasa sekarang masih lagi dalam keadaan bahaya. Jadi apakah tindakan pihak Menteri bagi menyelamatkan masa hadapan kedudukan pejabat tersebut di kawasan yang ada pada hari ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, segala langkah yang sewajarnya telah diambil untuk menjaga keselamatan mereka itu.

FELCRA—PENEBUSAN BALIK TANAH REZAB MELAYU

10. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan sehingga hari ini sejak tertubuhnya FELCRA (Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara):

- (i) kejayaan menebus kembali tanah-tanah Bumiputra yang telah tergadai dengan mentafsirkan keluasan tanah dan jumlah harga yang terlibat; dan
- (ii) keluasan tanah baru yang dibuka di bawah rancangan FELCRA dan jumlah keluarga yang diberikan hak tanah tersebut.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Sungguhpun Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara telah ditubuhkan dalam tahun 1966, tetapi tugas-tugas penebusan balik tanah-tanah rezab Melayu yang digadai kepada bukan Melayu hanya diserahkan kepada Lembaga mulai tahun 1971. Dari-pada 278 permohonan yang telah diterima oleh FELCRA, sebanyak 32 permohonan telah dapat diselesaikan sementara sebanyak 36 permohonan sedang diproses oleh Lembaga. Sebahagian besar daripada permohonan-permohonan yang lain adalah tidak sabit oleh kerana tanah-tanah itu tidak termasuk dalam kawasan rezab Melayu ataupun penggadaian itu tidak melibatkan pihak bukan Melayu. Di samping itu sebahagian daripada pemohon-pemohon asal telah menarik balik permohonannya. Luas tanah yang di tebus melalui bantuan pinjaman adalah 53.8 ekar dan jumlah pinjaman yang diluluskan sehingga sekarang ialah \$47,700.

- (ii) Sehingga pertengahan tahun 1975, FELCRA telah membuka seluas 57,778 ekar kawasan-kawasan baru dan sebilangan 5,506 keluarga telah pun mendapat faedah daripada rancangan-rancangan ini.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Soalan tambahan. Dalam masa jangka sejak penubuhan FELCRA adakah Lembaga itu berpuas hati dengan kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam menyampaikan tujuan dan matlamat FELCRA dan apakah satu-satu rintangan yang dihadapi oleh Lembaga ini dalam penyusunan dan pelicinan badan ini?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini cukup puas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan pihak-pihak yang berkenaan, dan setakat ini kita tidak ada mempunyai rintangan-rintangan yang besar selain daripada soalan staff.

KILANG MINYAK KELAPA DI SIMUNJAN

11. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada Kerajaan bercadang mendirikan kilang minyak kelapa di Simunjan, Sarawak, kerana 90% dari pengeluaran-pengeluaran adalah Bumiputra.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada rancangan bagi mengadakan kilang minyak di Simunjan kerana Simunjan tidak merupakan kawasan pengeluaran kelapa yang besar di negeri Sarawak dan lagi jika kilang minyak kelapa ditempatkan di situ masalah pemasaran minyak yang dikeluarkan akan timbul. Walau bagaimanapun, FAMA ada rancangan untuk mendirikan sebuah kilang minyak kelapa di Kuching dan sebuah pusat memproses kelapa di Pendam dalam daerah Simunjam di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Ini adalah bergantung dengan keadaan kewangan negara.

SENJATAPI—KEMASUKAN SECARA HARAM DARI INDO-CHINA

12. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah rondaan yang telah dibuat untuk mencegah kemasukan senjatapi secara haram dari Indo-China; dan

- (b) hasil yang didapati dari rondaan tersebut dan samada orang telah ditangkap atau senjata dirampas.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Demi untuk mencegah kemasukan senjata, (juga dadah dan manusia) secara haram dari mana-manapun, Polis Laut telah menambahkan lagi rondaan loncinya diperairan Lautan China Selatan dan juga di perairan Selat Melaka. Rondaan-rondaan juga telah dijalankan dengan rapinya di Sempadan Perairan Malaysia/Thailand dengan kerjasama pihak Thailand menurut peraturan "co-ordinated patrol zone" mengikut dasar yang diluluskan oleh Jawatankuasa Am Sempadan Thailand/Malaysia. Di-samping Polis Laut, Tentera Laut di Raja Malaysia juga menjalankan rondaan-rondaan di perairan tersebut. Pasukan RELA juga, antara lain, telah ditugaskan untuk mengawal pantai di seluruh negara khususnya mengawasi kegiatan begini.

- (b) Tidak ada sebarang tangkapan yang dibuat mengenai penyeludupan senjata mengikut laut, tetapi tangkapan lain seperti berikut:

- (1) Tangkapan di atas pukat tunda dari negara asing ada 8 buah.
- (2) Penyeludupan 13 buah bot yang membawa beras dan 41 ekor babi.
- (3) Masuk secara haram ada 14 orang pelarian sebelum kejatuhan Vietnam. Ini sesudah kejatuhan Vietnam sudah dijawab beberapa hari dahulu mengenai jumlah orang yang masuk dan berapa orang sudah dikeluarkan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa rondaan ada dijalankan dengan bot. Saya hendak mengetahui sejauh manakah pula rondaan dibuat dengan helikopter dan kalau ada dibuat setakat mana pula Kastam Di-Raja bekerjasama dengan Polis Di-Raja?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Bekerjasama itu sentiasa ada dan ada masanya juga kita menggunakan helikopter

di dalam rondaan yang tertentu. Tetapi kebanyakannya kita menggunakan bot-bot dan kapal-kapal rondaan.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan tadi ada menyebutkan peranan RELA. Saya hendak tahu apakah perbezaan sebelum ditubuhkan RELA, adakah kesan-kesan mengenai rondaan yang telah dijalankan sejak tertubuhnya RELA di kawasan-kawasan tertentu seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, perbezaannya apabila kita meminta tugas RELA itu bukanlah disebabkan ada kesan-kesan—tidak. Kita hanya menyediakan payung sebelum hujan.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di antara Tumpat dan Pantai Cinta Berahi sepanjang panjang pantai ini ada tempat-tempat tertentu yang menjadi pengkalan untuk disinggah oleh setengah-setengah nelayan daripada yang bukan warganegara kita. Mereka itu bila turun lengkap dengan pistol dan senjata lain agaknya. Maka tidak mungkin orang-orang ini menjadi anggota penyeludupan senjata-senjata haram?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalnya mungkinkah mereka ini menjadi penyeludup atau tidak, payah saya hendak menjawabnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, itu memang betul.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa banyak kejadian-kejadian di mana orang-orang daripada luar negeri khususnya daripada Siam (Thailand) yang masuk secara haram dapat ditangkap di tengah-tengah Malaysia sedangkan mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa pengawalan selalu dibuat di sempadan. Maka bagaimanakah orang-orang yang masuk secara haram ini dapat ditangkap, misalnya tangkap di Dungun sedangkan ada kawalan di sempadan, di

tengah jalan di beberapa tempat, jadi bagaimana orang yang daripada luar negeri ini dapat ditangkap di tengah jalan seperti yang saya sebutkan tadi.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sebabnya kita dapat tangkap itu kerana pihak kita lebih pandai daripada pihak dia sungguhpun dia cuba menembusi perondaan kita di sempadan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri berfikir bahawa ada sedikit sebanyak kelemahan kita dalam menjalankan pemeriksaan di sempadan dan di tengah-tengah jalan sehingga menyebabkan orang-orang seperti ini sampai ke tengah Malaysia?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan yang ditanya atas fikiran, tak payah dijawab.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa perondaan ini mendapat kerjasama daripada RELA. Soalan tambahan saya yang pertama, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa RELA yang ditubuhkan di sempadan ataupun sepanjang pantai belum lagi dilengkapi dengan alat-alat senjata. Yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa rondaan ataupun kemasukan senjatapi ini bukan sahaja melalui sempadan tetapi ada juga yang diseludupkan melalui pantai-pantai ataupun di pelabuhan-pelabuhan yang tidak di sempadan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal yang pertama tadi mengenai soal RELA, saya memang sedar bahawa bukan semua Pasukan RELA itu diberi senjata sebab senjata ini diberi kepada tempat-tempat yang kita anggap berkehendakkan senjata atau mengutamakan senjata. Jadi memang benar banyak di kawasan-kawasan pantai itu tidak diberi senjata, tetapi mereka bertugas dengan cara berjaga-jaga kerana kita tidak syak bahawa di tempat-tempat itu boleh atau ada kemungkinan senjata ini masuk pada masa ini, tetapi kalau pada masa depan kalau kita tengok ada kemungkinan, insya Allah, kita akan cari senjata untuk RELA itu.

Soalan yang kedua, adakah mereka ini masuk lain daripada sempadan, kemungkinan itu memang ada dan sentiasa dijaga dengan seberapa daya-upaya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu yang ditangkap di tengah-tengah tadi (*Ketawa*).

PERTUBUHAN FREE MASON

13. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar tentang kegiatan Free Mason di bangunan yang dikenali dengan nama "Rumah Hantu" berhampiran dengan Bangunan Sulaiman Jalan Damansara Kuala Lumpur; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa pertubuhan ini dimodali oleh Zionis Sedunia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Soalan ini adalah kurang terang apakah jenis "kegiatan" yang dimaksudkan di dalam soalan itu. Walau bagaimanapun, setahu saya tidak ada apa-apa kegiatan yang menyalahi undang-undang pada masa ini yang dilakukan oleh Pertubuhan Free Mason.
- (b) Daripada penyata-penyata kewangan tahunan pertubuhan itu yang diterima, ianya tidak menunjukkan apa-apa wang telah diterima dari punca-punca dari luar negeri. Itu yang kita dapat tahu pada masa ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah Free Mason ini ada didaftarkan atau tidak? Kalau tidak didaftarkan dan dikecualikan, apakah sebabnya?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sebab didaftarkan itu maka ada satu syarat yang mengatakan dia mesti menunjukkan kira-kiranya kepada Kerajaan.

GETAH S.M.R.

14. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) setakat ini berapa banyak kilang-kilang memperoses getah telah dibina untuk menjadikan getah S.M.R. Berapa banyak bagi Negeri-negeri Pantai Timur dan sila nyatakan satu persatu; dan
- (b) bagaimana sambutan rakyat terhadap kilang-kilang ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, (a) setakat ini jumlah kilang S.M.R. di Malaysia ialah 179. Daripada jumlah itu Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC) telah mendirikan 17 buah kilang untuk menjadikan getah S.M.R., yang mana 14 buah sudah berjalan dan tiga lagi masih di dalam pembinaan. Jumlah kilang S.M.R. di Pantai Timur ialah 21 daripada jumlah ini Perbadanan telah mendirikan 4 buah kilang seperti berikut:

- (i) Machang, Kelantan;
- (ii) Kuala Brang, Trengganu;
- (iii) Gambang, Pahang;
- (iv) Mentakab, Pahang.

(b) Sambutan rakyat terhadap kilang-kilang ini amatlah baik.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan sedikit mengenai kilang-kilang getah S.M.R. ini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa kilang-kilang yang ditubuhkan di sebelah Pantai Timur sana ada mempunyai kemerosotan ataupun mempunyai sungutan yang hebat daripada pekerja-pekerjanya sendiri mengenai imbohan-imbohan ataupun gaji yang diberi kepada mereka.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan lain. Saya minta notis atas soalan ini.

TAHANAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

15. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang yang ditahan di bawah:

- (i) Akta Keselamatan Dalam Negeri;
- (ii) Ordinan Mencegah Jenayah;

(iii) Peraturan Dharurat 1969; dan

(iv) Ordinan Kediaman Terhad; sejak 24hb Ogos, 1974.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan yang di-Pertua,

- (i) Jumlah orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri semenjak 24-8-1974 hingga semalam (30-10-1975) ialah seramai 83 orang.
- (ii) Jumlah orang yang disekat di bawah Ordinan Mencegah Jenayah seramai 103 orang, iaitu daripada 24-8-1974 hingga semalam (30-10-1975).
- (iii) Jumlah orang yang ditahan di bawah Ordinan Dharurat seramai 215 orang.
- (iv) Jumlah orang yang disekat di bawah Enakmen Kediaman Terhad seramai 42 orang.

BAHASA KEDUA DI SEKOLAH-SEKOLAH

16. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak memperluaskan pengajaran Bahasa Kedua selain dari Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, terutama bahasa-bahasa yang luas penggunaannya di peringkat antarabangsa seperti Bahasa Arab, Jepun, Perancis, Thai, Tagalog dan lain-lain lagi.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Kedua yang rasmi ialah bahasa Inggeris. Bahasa-bahasa lain tiada dapat dimasukkan ke dalam kursus pengajian di sekolah-sekolah kerana kurikulum yang ada kini sudah terlalu padat. Juga pada peringkat ini tenaga dan masa perlu ditumpukan kepada pengukuhan Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain seperti bahasa Arab dan bahasa Perancis boleh dan ada diajar di beberapa sekolah tertentu atas kebijaksanaan Guru Besar, jika keadaan membenarkan.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan bercadang bahawa bahasa Inggeris digantikan oleh bahasa Tionghua sebagai Bahasa Kedua dalam tanahair kita memandangkan bahasa Tionghua adalah salah satu Bahasa di Malaysia dan bahasa Inggeris bukan, dan jika tidak, mengapa?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini terkeluar daripada soalan asas.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN SENI MEM- PERTAHANKAN DIRI

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (30hb Oktober, 1975).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Mukah.

Perbahasan disambung semula.

3.31 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri, 1975 yang meliputi seluruh negeri di dalam Malaysia. Bagi kami di negeri Sarawak boleh dikatakan tidak ketinggalan mencintai seni yang sihat. Misalnya, pencak silat yang telah menjadi pesaka lama bagi kami Bumiputra berbilang kaum dan kepercayaan, salah satu sebagai kebudayaan di antara kami.

Pada masa ini boleh saya katakan sangat sukar untuk mendapat muda-mudi seperti terdapat di tempat saya baik di kampung-kampung atau rumah-rumah panjang yang mengetahui pencak silat walaupun dengan cara lebih kurang oleh kerana mereka itu tidak ada minat untuk mengetahuinya. Apa yang kita boleh lihat di temasya menyambut atau menghormati pembesar-pembesar atau pemimpin-pemimpin yang ada datang melawat di tempat mereka atau di temasya hari-hari besar seperti meraikan Hari Kebangsaan, cuma pemuda-pemudi yang diajar khas cara lebih kurang sahaja untuk mengambil bahagian di dalam pencak silat di temasya itu sahaja. Oleh sebab seni pencak silat seperti ini mereka anggap salah satu daripada permainan biasa sahaja dan tidaklah sampai ke taraf yang boleh dikatakan mempertahankan diri. Apa lagi seperti yang saya ketahui sekarang payah untuk mendapatkan seorang guru yang

betul-betul mahir di bidang seni pencak silat dan sebagainya yang kita sifatkan boleh mempertahankan diri.

Saya juga tertarik hati apabila mendengar ucapan daripada sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Baling di dalam Dewan yang mulia ini semalam menerangkan begitu ramai rakyat di Semenanjung ini mengambil bahagian di bidang bermacam jenis silat mempertahankan diri.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini di bandar atau pekan yang besar di negeri Sarawak terdapat juga pemuda-pemudi mengambil bahagian belajar seni mempertahankan diri yang dikatakan karate, judo atau taekwando dan kadang-kala kumpulan atau pertubuhan yang belajar ini mengadakan pertunjukan kepada ramai bagi kehandalan masing-masing. Ada juga terdapat di antara anak-anak yang belum mencapai umur 10 tahun. Biasanya guru-guru yang mengajar seni yang dianggapkan seni mempertahankan diri ini adalah orang-orang dari negara luar. Mungkin guru-guru ini dibawa atau dipanggil khas oleh pertubuhan seni yang tertentu di negeri Sarawak.

Di sini saya juga berharap mendapat perhatian Kementerian yang berkenaan supaya guru-guru seni silat mempertahankan diri ini dihantar khas oleh Kementerian ini untuk mengajar muda-mudi di luar-luar bandar di negeri Sarawak supaya mereka itu tidak ketinggalan dibidang seni yang saya anggap sangat penting dan berfaedah ini. Dan saya berharap juga Kementerian ini bekerja lebih rapat lagi serta memberi bantuan kewangan kepada Kementerian Belia dan Sukan Sarawak untuk menggalakkan seni mempertahankan diri, terutamanya kepada muda-mudi luar-luar bandar yang tidak berkemampuan untuk mengambil bahagian belajar dengan bayaran-bayaran yang tertentu seperti terdapat di bandar-bandar besar sekarang supaya pemuda-pemuda negara kita ini sama-sama mempunyai jiwa dan perasaan yang boleh bertanggungjawab kepada diri sendiri dan juga negara yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, segala bahagian-bahagian di dalam Rang Undang-undang ini adalah begitu rapi atas segala perkara yang berkaitan dengan pertubuhan seni mempertahankan diri yang akan berkuatkuasa sebagai satu undang-undang di negara kita. Maka kita berharap juga dan

berdoa agar segala cita-cita Kerajaan dan tanggungjawab yang diberi kepada Kementerian ini dapat dilaksanakan dengan baik dan berjaya mengikut imej dan tujuan yang sebenarnya supaya tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk niat jahat yang boleh merosakkan perpaduan dan keselamatan negara keseluruhannya.

3.36 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang ini, dan disamping saya berucap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin juga berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sedikit-sedikit sahaja dalam bahasa Inggeris, boleh.

Tuan Lee Lam Thye: Saya akan cuba. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini mengandungi banyak seksyen yang apabila dilaksanakan akan mengakibatkan kawalan terlalu ketat dan keras terhadap latihan dan amalan seni mempertahankan diri. Apa yang sangat merunsingkan mengenai Rang Undang-undang ini ialah tidak ada peruntukan untuk merayu berkenaan dengan undang-undang ini. Lebih-lebih lagi kuasa-kuasa yang diberi kepada Menteri dan Pendaftar Pertubuhan terlalu lebih.

Sebelum saya berbahas atas seksyen-seksyen yang berkenaan pada pendapat saya tidak adil dan yang melebihi, saya ingin mengetahui daripada Setiausaha Parlimen yang berkenaan samada salinan draf Rang Undang-undang ini telah terlebih awal dikemukakan kepada semua pertubuhan mempertahankan diri dan juga jurulatih-jurulatih seni mempertahankan diri bagi mendapatkan pandangan mereka sebelum Rang Undang-undang ini dikemukakan ke dalam Dewan ini. Jikalau Rang Undang-undang ini tidak ada dikemukakan lebih awal kepada pertubuhan tersebut, maka kami berasa kesal atas cubaan memungkirkan pandangan-pandangan mereka yang begitu mustahak.

Pada mulanya, saya ingin menyentuh Fasal 4 (1) Rang Undang-undang ini mengenai penubuhan Majlis Penyeliaan Seni Mempertahankan Diri yang bertugas untuk menasihatkan Menteri mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan seni mempertahankan diri.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, in connection with this Supervisory Council, we would like to propose that the composition of this Council should be made up of persons who are elected by the various bodies concerned and who are connected with the martial arts, and the time given to these bodies to elect their representatives should be extended from three months to six months. The Minister should not hurry these bodies to elect their representatives to serve on this Council.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya merujuk kepada Fasal 12 (5) mengenai penubuhan badan pengawalalan kebangsaan, i.e. the formation of the national controlling bodies. Under this Clause, if a national controlling body in respect of any form of martial arts could not be set up within three months, then the Minister may establish a national controlling body which shall be deemed to be the national controlling body in respect of that form of martial arts. Tuan Yang di-Pertua, this provision is impractical because of the different types and branches of any one form of martial arts. The Bill's insistence of this provision may create a great deal of inconvenience and hardships to the existing martial arts societies. At any rate, the time of three months should be extended at least to six months or until such time when such a national controlling body could be set up by the martial arts society members concerned, instead of leaving it to the Minister to establish a national controlling body.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin merujuk kepada Fasal 13 (4) Rang Undang-undang ini yang mengatakan bahawa:

"Pendaftar boleh meluluskan atau menolak permohonan itu tanpa memberi apa-apa sebab baginya."

Fasal ini tidak begitu adil. Kalau satu permohonan ditolak maka sebab-sebab mestilah disampaikan kepada pemohon supaya ia dapat tahu kenapa permohonannya ditolak dan ia juga mesti diberi peluang untuk menyampaikan permohonan baharu.

Yang akhirnya, saya suka menyentuh Fasal 18 (1) mengenai sekatan-sekatan atas mempelajari seni mempertahankan diri. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal ini tiada mana-mana dua orang atau lebih boleh berkumpul untuk mempelajari apa-apa gaya seni mempertahankan diri melainkan jika

mereka adalah pengajar-pengajar yang didaftarkan atau ahli-ahli satu pertubuhan yang didaftarkan.

Tuan Yang di-Pertua, I feel, as the Member for Kuala Selangor has pointed out, that this provision is a bit unfair—it is not only unfair but also unreasonable. If this provision is to be implemented, then all those who take up *tai chi chuan* for health reasons or to keep their bodies fit in their homes or in open places, which may involve two or more persons, will be deemed to have committed an offence. Tuan Yang di-Pertua, it cannot be denied that there are many people like the members of a family or the husband and wife who get up early in the morning to do a few strokes of this *tai chi chuan* solely for health reasons or to keep their bodies fit, and if these people are said to have committed an offence for doing something to keep themselves fit, then it is to be deplored and the implementation of this provision will be tantamount to a severe blow on individual freedom.

Finally, Tuan Yang di-Pertua, I wish to urge the Government to take a serious note of the above Clauses which I have pointed out and which I consider to be overstringent and excessive, and I feel that these said Clauses should be modified if they are to be meaningful to this Bill.

3.41 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah mengalu-alukan dan menyokong penuh Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri, 1975 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam Dewan ini. Bagi kali yang pertama Rang Undang-undang ini dibawa ke dalam Dewan ini bererti Kerajaan sudahpun memandang berat dan ingin kepada pengawasan yang tetap kepada Seni Mempertahankan Diri yang telah wujud di dalam negara ini sejak beberapa lama dahulu.

Sepertimana sahabat-sahabat saya yang lain juga saya suka mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan:

- (1) Menggalakkan wanita mempelajari apa-apa gaya seni mempertahankan diri.
- (2) Mengecualikan dari Undang-undang ini seni silat yang telah ada di luar bandar sejak beberapa lama dahulu.

(3) Kerajaan hendaklah mengawal supaya tidak ada perbalahan antara pertubuhan Seni Mempertahankan Diri dengan Seni Mempertahankan Diri yang lain.

(4) Ahli-ahli persatuan belia hendaklah digalakkan mempelajari seni mempertahankan diri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi, yang pertama menggalakkan wanita mempelajari apa-apa gaya seni mempertahankan diri, ini ialah disebabkan dalam keadaan sekarang ini kita sendiri telah membaca akhbar, mendengar berita dan sebagainya wanitalah yang menjadi mangsa yang paling teruk sekali daripada lelaki. Misalnya, wanita-wanita kita sentiasa mendapat gangguan-gangguan daripada penjahat-penjahat ataupun lelaki yang liar dan yang paling sedeh sekali pada tiap-tiap hari kita membaca akhbar wanitalah yang menjadi mangsa rogol oleh lelaki. Ini satu perkara yang saya beri sebagai satu contoh yang saya sebutkan di sini. Jadi, ertinya dengan ada usaha Kerajaan ini dan galakan kepada wanita patut diberi supaya wanita di samping ia membuat perkara-perkara lain mendapat pula masuk di dalam lapangan ini dan dengan sendirinya pula sekurang-kurangnya dia dapat mempertahankan diri di dalam Seni Silat ataupun Seni Mempertahankan Diri yang ia pelajari. Jika tidak Kerajaan sendiri menggalakkan mereka barangkali wanita ini tentulah susah sedikit untuk mempelajari hal-hal yang semacam ini. Sungguhpun begitu sehingga setakat ini boleh dikatakan tiap-tiap pertubuhan Seni Mempertahankan Diri yang ada di dalam negara kita hampir 20% atau 30% misalnya sudah ada wanita ini. Oleh sebab itu, saya suka mengambil perhatian kepada Kementerian ini supaya di samping kita dapat mengawal wanita di dalam negara kita yang mereka inilah dapat bersama-sama dengan kita menjadikan negara kita maju dan disamping itu dapat pula kita melindungi mereka dengan satu cara yang baharu yang kita sebutkan Seni Mempertahankan Diri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara yang kedua yang saya sebutkan tadi iaitu mengecualikan dari Undang-undang ini bagi seni silat yang telah ada di luar bandar sejak beberapa lama dahulu, misalnya seni silat yang diadakan pertunjukan di satu-satu majlis. Jika sekiranya Undang-undang ini pada keseluruhannya diterima, maka mereka

ini pun akan terlibat di dalam hal ini. Pada hal daripada sejak dahulu lagi tidak ada masaalah, tidak ada perbalahan berlaku, tidak ada perkara-perkara yang membawa bahaya kepada negara di atas seni-seni silat yang sudah ada di luar-luar bandar sehingga saat ini. Dan jika sekiranya seni-seni silat yang ada di luar bandar seperti ini dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang ini juga, saya bimbang rakyat akan bimbang dan akan tinggallah seni silat yang sudah beberapa lama mereka pelajari yang menjadi amalan kepada mereka mengawalkan pemuda-pemuda luar bandar yang berjalan ke sana sini dan majlis-majlis yang biasanya ada seni silat itu ditunjukkan pula sudah tidak ada lagi. Oleh itu, patutlah pada pelaksanaan Rang Undang-undang ini dikaji satu-persatu supaya perkara ini tidak hilang terus di dalam masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan syor yang ketiga iaitu Kerajaan hendaklah mengawal supaya tidak ada perbalahan di antara satu pertubuhan Seni Mempertahankan Diri dengan satu Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri yang lain. Apabila sahaja ada pertubuhan seni dan ada satu pertubuhan yang lain bererti tiap-tiap pertubuhan itu ada haknya sendiri, dan tiap-tiap pertubuhan ini pula akan mengajar dan akan mempelajari cara-caranya masing-masing. Kadang-kadang oleh kerana barangkali keahliannya ramai, pertunjukannya elok mendapat sambutan daripada rakyat, pertubuhan ini dengan sendirinya merasa bangga mengatakan dialah satu-satu pertubuhan yang paling besar, yang paling gagah di dalam negara kita ataupun di tempatnya sendiri. Jika perkara-perkara ini timbul mungkin ada perbalahan di antara satu pertubuhan seni dengan pertubuhan yang lain dan ramai ahli-ahli pula terpaksa mencari mana-mana satu pertubuhan yang elok dan kadang-kadang menjadi rebutan di antara satu pertubuhan dengan satu pertubuhan yang lain.

Untuk mengelak hal ini, ekoklah diadakan satu kawalan yang baik. Apabila sahaja satu daerah, misalnya, ada satu pertubuhan seni mempertahankan diri hendaklah dikaji jika sekiranya di kawasan itu juga akan ditubuhkan satu pertubuhan seni lain. Jika sekiranya tidak dikawal mungkin berbagai-bagai masaalah yang akan timbul di satu-satu tempat yang akan diadakan pertubuhan seni mempertahankan diri. Sungguhpun kadang-kadang kita anggap perkara ini kecil, tetapi

kalau kita biasa mengikuti perkembangan pertubuhan seni ini mungkin kita terasa bagaimana jika sekiranya tidak dikawal oleh Kerajaan apa yang saya sebut tadi mudah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian keempat tadi, saya sebutkan berkenaan dengan ahli-ahli Persatuan Belia hendaklah digalakkan mempelajari seni mempertahankan diri. Sehingga masa ini sungguhpun hanya ada sebahagian daripada Ahli-ahli Persatuan Belia ini telah mempelajari dengan sendiri, tetapi di dalam pertunjukan-pertunjukan yang diadakan baik ianya berupa antara-bangsa ataupun kebangsaan, kedaerahan yang kita biasa lihat lebih banyak tarimenari. Apa salahnya, disamping tarimenari, belia-belia ini pula kita pimpin mereka supaya mereka juga akan dapat menjadi ahli-ahli pertubuhan seni mempertahankan diri selain daripada mereka mengadakan pertunjukan kepada orang ramai seperti yang mereka tunjukkan seni tari yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada Persatuan-persatuan Belia ini dapat mempelajari, mereka juga akan menjadi rakyat, pemimpin-pemimpin negara dan mereka juga akan menjadi dewasa. Jika mereka ini digalakkan untuk melengkapkan diri berkenaan dengan seni mempertahankan diri, saya yakin keadaan-keadaan yang kurang baik tidak mudah berlaku kepada mereka lagi di satu masa kelak.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, murid-murid sekolah sebahagian daripada mereka sedang mempelajari dengan kehendak mereka sendiri. Apabila sahaja Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri ini diluluskan, saya harap Kementerian yang berkenaan akan masuk pula kepada peringkat murid-murid. Di samping itu diharap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Kementerian Pelajaran dapat bersama-sama supaya murid-murid daripada kecil lagi dapat kita mengajar dan mendidik mereka supaya memahami seni mempertahankan diri dengan dipilih ataupun dikawal oleh pihak sekolah itu sendiri. Ertinya, perkara ini apabila sahaja dilaksanakan di samping murid-murid apabila bermain, pelajaran jasmani yang ada di sekolah itu, mereka juga akan mempelajari seni mempertahankan diri dan apabila mereka dewasa kelak tidaklah menjadi satu kesulitan kepada mereka dan juga kepada Kerajaan.

Jika sekiranya daripada kecil lagi kita sudah mengajar, mendidik akan menjadi satu amalan apabila mereka dewasa kelak tidaklah menyusahkan mereka lagi seperti mana di dalam lapangan permainan. Misalnya permainan bola yang kita nampak negara kita sudah maju di dalam lapangan ini dan kita tahu pemain-pemain negara yang dapat mengharamkan nama negara kita dengan begitu baik di dalam lapangan bola dan sebagainya adalah terdiri daripada bekas-bekas murid yang suatu masa dahulu ahli pasukan bola di sekolah daripada sejak kecil lagi. Dan bererti di suatu masa kelak akan timbullah pula kumpulan-kumpulan pertubuhan seni mempertahankan diri yang dapat memberi nama negara kita yang baik seperti mana setengah-setengah negara. Misalnya, negara Jepun yang kita sudah maklumkan ada berkaitan dengan hal ini boleh jadi di satu masa akan timbul suatu bentuk seni mempertahankan diri kebangsaan yang akan dapat dipertunjukkan kepada dunia. Mudah-mudahan dengan cara ini kita juga tidak ketinggalan di dalam lapangan seni mempertahankan diri. Oleh itu, pada keseluruhan Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri, 1975 ini telahpun dihalusi oleh semua pihak. Sungguhpun ada di antaranya menegur dan mendapat perhatian barangkali daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan, tetapi bagi saya hanya saya dapat menyebutkan pada keseluruhannya dan syor-syor yang saya sebutkan ini supaya dapat dipertimbangkan untuk kebaikan negara dan bangsa.

3.56 ptg.

Tuan Haji Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Akta Seni Mempertahankan Diri yang dikemukakan oleh Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dengan adanya Akta ini dapatlah sebenarnya Kerajaan kita mengawal satu daripada kesenian yang ada di tanahair kita dengan sebenar-benarnya bersih dan berjalan dengan baik dan tidak diselewengkan atau tidak dikotorkan oleh pihak-pihak yang cuba menggunakan seni mempertahankan diri ini untuk kepentingan diri masing-masing atau kepentingan kaum masing-masing. Dengan adanya Akta ini juga dapatlah Kerajaan mengawal dan memerhati

gerak-geri atau aktiviti satu-satu pertubuhan yang didaftarkan dengan peraturan ini, dan juga memberi kebaikan kepada ibu-bapa, umpamanya, yang berkehendakkan anak-anak mereka mempelajari seni mempertahankan diri supaya anak itu memasuki sesuatu pertubuhan seni mempertahankan diri, tidak termasuk kepada pihak yang salah. Kerana di waktu yang akhir-akhir ini kita nampak seni mempertahankan diri ini keluar begitu hebat dengan masing-masing guru dan masing-masing pengajar seni mempertahankan diri.

Tetapi sejauh mana seni mempertahankan diri yang dibuatnya itu berguna kepada diri seseorang sebenar-benarnya ataupun mereka ini mencari kesempatan samada dari segi nama dirinya sendiri ataupun dari segi kewangan atau dari segi aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.

Saya menyokong penuh Akta ini dan berharap Kerajaan dapat mengelakkan daripada seseorang mempelajari seni mempertahankan diri dengan tujuan yang tidak baik, kerana kita nampak di waktu akhir-akhir ini terlampau banyak sangat seni mempertahankan diri dan setengah-setengahnya sudah menjadi begitu sensitif. Ada orang mempelajari seni mempertahankan diri seolah-olah macam hendak berkelahi, atau seperti esok hendak bergaduh. Ini patutlah dikawal oleh Kerajaan dan saya percaya dengan adanya Akta ini masih tidak terlewat masanya, kena pada tempat dan masanya Kerajaan mengeluarkan Akta ini untuk mengawal keadaan ini sebelum kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku, kerana dengan tidak dikawal masing-masing akan membuat ikut suka dan mengajar ikut suka kumpulan masing-masing. Dengan adanya pendaftaran badan seni mempertahankan diri ini dapatlah pihak itu menceritakan atau memberitahu Kerajaan apakah tujuan mereka mengajar seni itu ataupun apakah cara-caranya yang tidak melibatkan perkauman dan berapakah wang yang dipungut, apakah jadi kepada anak atau pemuda yang berlatih, kerana ada setengah-setengah seni mempertahankan diri yang boleh mengganggu. Oleh sebab keadaan yang tidak dikawal dan tidak disiasat maka pengajarnya boleh mengganggu pemuda yang mempelajari seni itu sendiri.

Ada pernah seorang pemuda yang mempelajari seni mempertahankan diri sampai jadi gila, tidak boleh membaca buku, tidak

sedarkan diri, lari daripada rumah dan ini adalah dengan sebab kesalahan pengajar itu. Kita tidak boleh berbuat apa-apa sebab tidak ada Akta dahulu yang mengawal keadaan seperti ini. Saya fikir apabila berjalannya Akta ini pihak Badan Majlis yang ditubuhkan itu hendaklah memberikan perhatian yang sangat berat kepada aktiviti tiap-tiap satu badan mempertahankan diri yang ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Akta ini akan dapat menahan atau mengawal daripada orang perseorangan atau siapa juga yang menggunakan seni mempertahankan diri untuk publisiti masing-masing atau menggunakan kumpulan-kumpulan silat atau kumpulan-kumpulan seni mempertahankan diri untuk diri masing-masing, dengan tidak ada tujuan lain. Inipun satu gejala yang tidak sihat dalam negara kita, boleh jadi dengan cara publisiti ini mereka itu berkehendakkan namanya begitu masyhur dan boleh jadi mereka menyeleweng daripada tujuan pertubuhan itu dengan memberikan wang dan sebagainya, menyalahgunakan kuasa kepada pertubuhan yang mana menyebabkan mereka disanjung dalam satu-satu seni mempertahankan diri. Saya rasa inipun tidak sihat sekiranya berjalan berlanjutan di dalam negara kita, hilangnya kesenian yang kita anggapkan bahawa seni silat yang boleh kita katakan suatu daripada pusaka nenek-moyang itu akan hilang kesuciannya. Menjadi satu alat untuk memenuhi kehendak seseorang yang bekerja ataupun menggunakan seni mengikut nafsunya masing-masing.

Saya setuju dengan Akta ini yang mengawal begitu ketat walaupun ada pihak Pembangkang yang mengatakan sebentar tadi bahawa undang-undang ini tidak begitu adil (unfair), tetapi saya rasa adil dengan sebab perkara seni mempertahankan diri, saya katakan tadi begitu sensitif kalau tidak dikawal dengan ketat boleh jadi ramai orang menyeleweng. Pengajar-pengajar di dalam pertubuhan itu dan diri seseorang itu juga boleh menyeleweng. Dengan adanya kawalan yang ketat, umpamanya, dalam Fasal 18 itu mengatakan tidak boleh lebih daripada seorang atau dua orang mengajar kalau tidak didaftarkan. Perkara ini baik, sebab kalau tidak dikawal masing-masing boleh mengajar sendiri, mengadakan silat sendiri, kiranya dia tidak boleh buat beramai-ramai dia buat berdua. Tetapi apa tujuan dia buat berdua, boleh jadi antara

dia dengan gurunya ada perkara-perkara yang tidak baik. Mungkin tujuannya mengancam orang lain, sebab itu perlu dikawal, kalau kita tidak buat ini, barangkali dia tidak mengajar di dalam satu-satu perkumpulan, tetapi dia mengajar kepada dua orang atau tiga orang, esok datang lagi dua orang dan kemudian datang lagi tiga orang. Oleh sebab tidak dikawal dengan undang-undang mereka boleh berbuat secara beransur-ansur, dengan cara yang semacam itu, saya rasa sesuatu yang tidak sihat akan berlaku di dalam seni mempertahankan diri. Dan adanya Akta yang begini ketat serta hukuman denda yang berat boleh mengingatkan sesiapa yang hendak membuat pertubuhan mempertahankan diri mestilah ada dengan caranya, ada dengan peraturannya dan ada dengan undang-undangnya yang tidak boleh berbuat sebarangan seperti dahulu lagi, sebab keadaan yang ada di negara kita hari ini berlainan daripada datuk-nenek kita 20-30 tahun dahulu. Pada masa dahulu mengajar silat yang disifatkan sebagai seni, tetapi hari ini kadang-kadang saya rasa begitu sensitif, mengajar itu dan ini mempertahankan diri untuk satu-satu tujuan yang boleh jadi perkauman, sebab itu patut sangat undang-undang ini dikawal begitu ketat.

Saya rasa kepada orang yang betul-betul hendak menyebarkan seni mempertahankan diri tidak perlu takut kepada Akta ini. Orang yang jujur, orang yang betul hendak melihat bahawa seni mempertahankan diri itu ialah satu daripada pesaka tanahair kita tidak perlu takut. Tetapi orang-orang yang berniat hendak menyeleweng, niat disebaliknya yang tidak baik mereka rasa bimbang dengan Akta ini, dan berasa tidak adil dengan Akta ini. Saya harap pihak Kementerian tidak akan berganjak dengan keadaan yang ada ini dan cuba mengawal lebih ketat lagi oleh majlis yang akan ditubuhkan itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sebabnya saya menyokong di atas kawalan yang ketat bukan maknanya hendak menahan daripada orang kita menyebarkan seni mempertahankan diri seperti silat gayung di kampung dan sebagainya, kalau mereka betul-betul jujur, mereka terpaksa registerkan dan mereka boleh mengajar kepada siapa juga di kampung, disebabkan kita tidak dapat hendak melonggarkan kepada undang-undang di kampung, tetapi di bandar juga kita kena buat macam itu. Dan lagi kalau tidak dikawal boleh jadi di

masa akan datang orang mengajar seni mempertahankan diri sudah salah tujuan seperti saya katakan tadi, dan sekarang pun ada yang terjadi bahawa suatu pertubuhan, suatu kumpulan yang mengajar seni mempertahankan diri untuk mengawal supaya orang jangan mengganggu kumpulannya, walaupun kumpulan itu barangkali mengganggu keamanan.

Ada pernah terjadi di satu negeri dia mengajar beberapa orang di dalam satu kumpulan seni mempertahankan diri untuk menahan daripada Polis, untuk menahan daripada pihak keamanan datang mengganggu tempatnya dan mengganggu rumahnya yang barangkali dalam rumah itu dibuat bermacam-macam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Mereka belajar seni mempertahankan diri untuk menahan Polis atau untuk melawan polis supaya pihak Polis tidak mengganggu rumahnya yang mana di dalam rumah itu ada dijalankan beberapa aktiviti yang tidak sihat. Mereka menjadi sebagai penghasut dan pengacau dan ada juga bermacam-macam perkara lagi yang dib'sikkan, tidak menghormati dan tidak memberi layanan ataupun tidak mengindahkan apa-apa. Kalau banyak pertubuhan buat begini dan tidak dikawal, maka akan datang kita akan melihat masing-masing boleh bertempur sama-sama sendiri oleh sebab maha guru itu membesarkan kebolehannya, keahliannya masing-masing atau baktinya dan orang lain juga boleh menunjukkan begitu. Barangkali ada yang menganggap bahawa dia (A) lebih penting, dan (B) pula menganggap dirinya lebih pandai, manakala (C) mengatakan lebih bijak. Dengan adanya kawalan ini, saya rasa mereka akan sedar Kerajaan sedang dan akan memerhati daripada satu masa ke satu masa perjalanan tiap-tiap pertubuhan yang telah diregister untuk menubuhkan Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri.

Seperkara lagi saya menyokong kuat kerana Setiausaha Parlimen yang berkenaan dalam membentangkan Rang Undang-undang ini mengatakan bahawa dengan adanya Akta ini dapatlah Kerajaan mengawal badan-badan Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri daripada mewakili Malaysia ke luar negara dengan tidak setuju Kerajaan. Selama ini pernah berlaku tentang adanya pasukan-pasukan mempertahankan diri pergi berlawan keluar negeri dengan tidak setuju Kerajaan, masing-masing menghantar orangnya. Ini tidak sihat, Tuan Yang di-Pertua. Sebab

mereka yang pergi keluar negeri mestilah atas nama Kerajaan kita, mewakili Kerajaan kita dan bukan mewakili diri masing-masing atau pertubuhan masing-masing. Kalau sekiranya ada jemputan daripada luar negeri maka Kerajaanlah yang akan memilih bagi apa pertandingan yang kita hendak buat dan siapa yang patut mewakilinya dan pertubuhan mana yang mewakili dan Kerajaan kita, mengikutlah pertimbangan Majlis Kebangsaan itu samada hendak diambilnya daripada beberapa orang yang boleh mewakili Kerajaan kita seperti kita menghantar wakil dalam lapangan sukan, wakil dalam seni nyanyian, wakil dalam seni tarian, wakil kebudayaan, hockey, football dan sebagainya. Saya rasa begitu juga mewakili Malaysia dalam pertandingan seni mempertahankan diri. Jadi dengan adanya Akta ini tidak boleh masing-masing membuat sesuka hati mereka menghantar orang-orangnya, sendiri barangkali dengan tidak setuju Kerajaan untuk mewakili Malaysia di perjumpaan atau di pertandingan antarabangsa di negeri-negeri lain.

Saya rasa itulah sahaja sedikit pandangan saya atas Akta ini dan saya ucapkan tahniah kepada Kementerian yang begitu sedar akan akibatnya daripada aktiviti seni mempertahankan diri sekiranya tidak dikawal daripada masa sekarang dan sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

4.13 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri.

Bagi saya tujuannya selain daripada merupakan satu kebudayaan yang baik untuk ditiru dan dipusakai kepada zuriat keturunan kita sampai ke akhir zaman, ia juga akan dapat mengisi masa kosong anak-anak muda kita di kampung-kampung yang di zaman akhir-akhir ini mereka telah menghabiskan masa muda mereka di kedai-kedai kopi dan di simpang-simpang jalan, kerana sudah menjadi satu kegemaran muda-mudi kita semenjak zaman berzaman mempelajari seni gayung dan seni silat pencak dengan penuh semangat dan megah, tetapi dukacitanya telah terhenti dan terbantut semenjak beberapa lama kerana muda-mudi kita telah disua dengan permainan-permainan lain yang pada umumnya disebut sukan, tetapi pada

hakikatnya tidak begitu kurang daripada permainan-permainan yang hanya menghabiskan masa dan wang ringgit mereka yang tidak begitu banyak kegunaannya yang mereka dapat untuk kegunaan masa tua mereka.

Hasil dari penumpuan masa yang diberikan oleh muda-mudi kepada permainan-permainan yang saya sebutkan tadi maka guru seni silat kita yang dahulunya dihormati dan disanjung, mulai berseorangan dan dagang di kampung sendiri dan hanya sekali sekala mereka dijemput seorang berdua untuk hiburan di majlis perkahwinan dan sebagainya. Tidak ada murid yang menuntut ilmu yang begitu berharga dan tidak ada minat lagi untuk mengajarnya. Sedangkan Islam melalui Nabi Besarnya Muhammad s.a.w. memberangsangkan umatnya mempelajari berenang dan memanah. Dalam hadisnya yang mashur yang bererti, ajarlah anak-anak kamu berenang dan belajar. Berenang dan belajar disebut oleh Rasulullah sebagai simbul mempertahankan diri sedangkan bagi Nabi Muhammad yang lahir di tengah-tengah padang gurun Arab yang jauh beratus batu daripada laut dan sungai sudah tentu tidak terfikir dalam fikiran kita bahawa Nabi Muhammad meminta umatnya belajar berenang tetapi oleh kerana Nabi Muhammad s.a.w. sebagai seorang Nabi yang satu daripada perinsipnya ialah mengajar manusia menghormati diri sendiri, maka Nabi Muhammad tidak ragu-ragu dan tidak merasa malu meminta umatnya belajar berenang sekalipun tempat lahirnya itu jauh daripada sungai dan laut. Oleh itu, bagi kita bumiputra khususnya yang telah sedia pandai dan terkenal dengan kebudayaan ini, kebudayaan silat pencak dan sebagainya tentulah dikutuk oleh Allah sekiranya usaha yang baik dan mulia ini hilang lenyap begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, baki lagi, adakah seni mempertahankan diri ini hanya berkisar di atas kadar mempertahankan diri dari serangan orang lain sahaja dengan tidak diberi peluang mempelajari jenis-jenis silat yang bukan sahaja untuk mempertahankan dirinya tetapi boleh pula digunakan untuk bertindak balas terhadap lawannya yang cuba mencero bohi diri seperti mana yang dikenali dengan silat Siam umpamanya yang biasanya digunakan untuk bertindak balas dan memberi pukulan maut terhadap musuhnya. Seni silat dalam undang-undang ini bagi

saya tidaklah begitu jelas dan, kalau boleh, diminta Menteri yang berkenaan menjelaskan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, besar harapan saya mudah-mudahan setelah terbitnya seni silat yang boleh mempertahankan diri ini di kalangan muda-mudi kita akan berkuranglah kebudayaan-kebudayaan lain yang terdapat unsur-unsur yang bercanggah dengan agama iaitu unsur-unsur seni yang sengaja dilakukan untuk menjamu mata dan nafsu ghairah di setengah-setengah kalangan.

4.18 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (Jasin):

Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri yang telah dikemukakan kali yang pertamanya di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh mengalu-alukan dengan kesedaran daripada Kerajaan dan Kementerian kita yang telah dapat mengadakan satu Rang Undang-undang yang tertentu iaitu sebagaimana tujuan-tujuan yang telah diterangkan oleh Kementerian yang berkenaan ada lima ataupun enam perkara yang besar dalam masalah-masalah Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri ini dikemukakan. Saya hanya mengalu-alukan dalam masalah Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri yang akan dijalankan dan sebahagian daripadanya telah dijalankan dari kalangan belia dan orang dewasa juga semua bangsa yang ada di dalam negara kita ini, tetapi saya suka dan berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya dengan tertubuhnya atau tercipta undang-undang ini mudah-mudahan supaya seni mempertahankan diri benar-benar dapat dipupuk dan dapat dimajukan lagi dalam bidang seni mempertahankan diri iaitu bumiputra ataupun Malaysia sendiri. Kerana saya mendapat tahu dan saya sendiri pun ada juga sedikit sebanyak mempelajari dalam masalah-masalah seni mempertahankan diri iaitu negara kita dalam seni mempertahankan diri ini tidaklah kurang jenis-jenisnya. Daripada beberapa jenis itu, saya mengharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengatur kursus dalam masalah perkembangannya ialah sekarang saya memerhatikan bagaimana ada setengah-setengah sahabat saya Ahli-ahli

Yang Berhormat yang telah menyatakan iaitu kita adalah amat berkurangan dalam masaalah tenaga pengajar perkembangan seni silat Melayu sendiri.

Maka dengan ini saya mengharapkan lebih-lebih lagi kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengadakan satu latihan perguruan dalam masaalah yang tertentu dan kalau boleh adakan Maktab Seni Mempertahankan Diri di dalam negara kita ini untuk seni budaya kita sendiri. Dengan ini saya rasa tujuan undang-undang ini dapat benar-benar memperkembangkan hak seni negara kita.

Bagaimanapun saya suka juga menyentuh sedikit dalam undang-undang ini iaitu dalam Seksyen 2—Jenis-jenis Seni Mempertahankan Diri ada menyatakan iaitu seni mempertahankan diri dari kalangan orang China ada sembilan jenis. Seni mempertahankan diri dari kalangan orang-orang Jepun yang masuk ada tujuh jenis dan dari Korea ada dua jenis. Di sini saya rasa kita semua akan meluluskan tetapi dalam ertikata seni silat daripada orang China saya bukan hendak menentang dalam masaalah kemaraan seni silat mempertahankan diri bangsa-bangsa yang ada di dalam negara Malaysia, tetapi saya takut dan saya samar-samar kerana perkataan “hsing-i” ini tidak ada erti yang tertentu di dalam Bahasa Malaysia. Apakah cara silat mempertahankan diri untuk orang China ini dan begitu juga “pa-kua, pai-hao, shaolin, tang lang, tai chi chuan, pok khik, wu chu dan kungfu”. Ini saya percaya pihak Kerajaan yang berkenaan sendiri pun tidak tahu istilah yang betul-betul dan cara apakah silat kun-tow yang kita hendak luluskan ini. Saya rasa saya sendiri tidak berapa faham, jadi saya rasa eloklah pihak Kementerian yang berkenaan menerangkan “shaolin” itu cara kun-tow yang bagaimana. Cara kun-tow tanam bom ataupun telan paku.

Misalnya, kalau tang lang ini telan paku jadi ada istilahnya—telan paku kerana masaalah ini saya rasa boleh membawakan satu masaalah seni silat mempertahankan diri yang ada satu cara lain yang kita sendiri tidak faham, Ahli-ahli Dewan dan para Menteri sedikit tidak tahu tetapi kita luluskan sahaja. Rupanya mereka membuat kun-tow tanam bom. Jadi kita luluskan lesennya. Jadi ini pun saya rasa masaalah yang merbahaya kepada kita sendiri. Jadi saya mengharapkan begitu juga dalam masaalah

“karate-do” itu barangkali kita telah dengar dan kita telah tengok. Judo kita telah tengok. Jujutsu, ini kita tidak tahu entah bagaimana gaya jujutsu itu dan kendo kita pun tidak tahu. Begitu juga iai-do kita pun tidak tahu bagaimana caranya. Bagaimana rupa dan apa senjata-senjata yang digunakan. Ini saya rasa perlulah diberikan istilah dalam Bahasa Malaysia mudah-mudahan saya percaya semua Ahli Dewan dapat faham cara-cara silat mempertahankan diri oleh bangsa-bangsa asing. Cara silat daripada Korea iaitu “taekwan-do” pernah kita dengar tetapi “tangsu-do” kita tidak pernah lihat. Ini saya rasa dapat diberikan istilah yang benar-benar dalam Bahasa Malaysia dan juga geraf-geraf atau cara-cara perlaksanaannya.

Di dalam undang-undang ini perlulah diterangkan kerana sewaktu pelaksanaan hendak memberi lesen samada peringkat pusat, negeri dan daerah, kita sama-sama faham. Kalau kita tidak faham dia tulis sahaja hendak minta lesen “tai chi chuan” kita pun meluluskan, rupanya mereka meletakkan paku, dalam masaalah perkara-perkara lain yang tidak menyenangkan Kerajaan dan kita sendiri pada masa yang akan datang. Jadi dengan ini saya berharap sungguh-sungguh kepada pihak Kementerian supaya berhati-hati dan teliti dalam masaalah-masaalah menerima dan meluluskan kebenaran kepada pemohon-pemohon seni silat dari luar ini diutamakan supaya Kerajaan kita meluluskan perlesenannya dan perlaksanaan kerja-kerja seni silat mempertahankan diri ini tidak sebaliknya nanti pada masa yang akan datang boleh menikam kepada Kerajaan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka juga merayu agar Fasal 4—Tujuan Menubuhkan Majlis Penyelidikan Seni Mempertahankan Diri terdiri dari ahli-ahli antara 15 hingga 25 orang. Tugas-tugasnya ialah untuk menasihatkan Menteri mengenai perkara-perkara berhubung dengan mempertahankan diri. Saya mengharapkan sangat jawatankuasa-jawatankuasa penasihat ini seboleh-bolehnya hendaklah dilantik ataupun dipilih atau ditunjuk oleh para Menteri kita menjadi Majlis Jawatankuasa Mesyuarat dalam masaalah seni silat mempertahankan diri iaitu sekurang-kurangnya pada sebuah negeri ada seorang wakil. Jadi saya rasa yang lain itu bolehlah diambil daripada wakil-wakil pertubuhan-pertubuhan yang kita fikirkan munasabah bagi menjadi anggota

jawatankuasa. Dengan ini, saya rasa dapatlah pelaksanaan undang-undang ini diselaraskan dan saya fikir boleh diterima dan disesuaikan dengan kehendak-kehendak semua pihak dalam masa pelaksanaannya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta kepada Menteri yang berkenaan dan Kerajaan supaya Fasal 18 atas kesalahan-kesalahan ini jika sekiranya berlaku di masa hadapan diadakan pertubuhan-pertubuhan haram, tidak mendapat lesen maka hukuman-hukuman hendaklah dijalankan benar-benar, jangan pada mula-mula bila sudah diluluskan undang-undang tetapi tidak dijalankan, tidak dilaksanakan dan ada pula excuse (minta maaf)—boleh dimaafkan. Dengan ini maka saya rasa pertubuhan seni mempertahankan diri ini boleh menjadi sebaliknya pada masa akan datang iaitu boleh menyusahkan Kerajaan kita.

Seterusnya saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan yang telah dengan beraninya memaparkan Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri, 1975. Mudah-mudahan dengan adanya pelaksanaan undang-undang ini maka tidaklah sebagai sekarang ada banyak pasukan-pasukan seni silat dan seni mempertahankan diri ini yang tidak dapat hendak dikawal. Jadi dengan adanya undang-undang ini maka dapat kita jalankan kawalan yang tertentu daripada Kerajaan kita dan Kementerian yang berkenaan, mudah-mudahan benarlah pertubuhan seni mempertahankan diri mengikut asas-asas yang betul untuk kepentingan diri bukan kepentingan yang lain hendaknya pada masa akan datang.

4.29 ptg.

Tuan Luhut Wan (Baram): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi sedikit pandangan tentang Rang Undang-undang yang dinamakan Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri, 1975 ini.

Sebelum saya melanjutkan ucapan saya mengenai Rang Undang-undang ini terlebih dahulu saya memberitahu bahawa pandangan yang saya bawa kemari bukanlah seolah-olah pandangan dari parti saya, tetapi pandangan ini adalah pendapat saya sendiri.

Walau bagaimanapun, saya dapati Yang Berhormat Menteri telah membawa Rang Undang-undang ini untuk diperbincangkan

dalam Parlimen ini dengan begitu teliti bagi menepati kegunaan dan mustahaknya Rang Undang-undang ini bagi negara Malaysia supaya mempertunjukkan seni negara kita kepada dunia luar, juga negara-negara jiran kita luar Malaysia. Akan tetapi pada anggapan saya tidak begitu bersetuju dengan Rang Undang-undang ini oleh kerana pada masa yang lampau sedangkan tidak ada sekatan ataupun tidak ada Rang Undang-undang yang telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia, kita ketahui banyak kumpulan-kumpulan yang telah menyalahgunakan seni untuk mempertahankan diri ini seolah-olah pelajaran itu bukan untuk mempertahankan diri. Akan tetapi, sebaliknya untuk mengambil peluang supaya melakukan jenayah-jenayah ataupun bertindak sendiri untuk menjadi chongkak, berlagak ataupun sombong, lebih-lebih lagi jika mereka sudah pening kepala sedikit jika sudah minum-minuman keras, mereka sudah menunjuk diri. Awak tidak mengenal saya bahawa saya seorang Ahli Kung Tau ataupun ahli Karate "Black Belt" dan sebagainya, menunjukkan diri dan menakut-nakutkan orang. Ini pun sudah pernah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ketahui pada beberapa tahun yang lalu pernah berlaku juga ada sungutan dari pihak rakyat negara kita mengenai pertunjukan filem-filem yang bercorak keganasan macam filem "Bruce Lee". Banyak ibu-bapa yang tidak bersetuju dengan pertunjukan filem keganasan, akan tetapi bagaimana jika Kerajaan Malaysia pada masa sekarang ini sudah ada maksud supaya didaftarkan berbagai seni untuk mempertahankan diri. Lebih-lebih lagi negara kita pada fikiran saya, adalah satu negara yang mengamalkan iman kita kepada Tuhan tentu sekali ada kebanyakan seni yang bukan datang dari pihak orang yang beriman yang dibawa masuk dari luar ke dalam negara Malaysia.

Pernah juga saya lihat ada pelajar-pelajar yang menganggap dirinya mempelajari seni mempertahankan diri pernah menyembah berhala sebelum mereka dibenarkan mempelajari seni itu. Itu tentu sekali bertentangan dengan maksud yang suci ataupun dengan maksud ketuhanan oleh kerana terang sekali di dalam firman Tuhan, "Janganlah kamu menyembah berhala baikpun di langit ataupun di bumi ataupun di dasar laut, di bawah bumi, oleh kerana Akulah Tuhan Allah mu". Jadi, bagaimana jika kita memperbuat satu

undang-undang meluaskan hal yang demikian berlaku di antara rakyat jelata di negara kita. Siapa yang akan bertanggungjawab terhadap perkara ini? Misalnya, jika orang yang tidak mengetahui Tuhan yang tidak mengamalkan kesucian Allah kita tidak dapat menyalahkan dia oleh kerana dia bukanlah orang yang mengetahui Injil ataupun hukum Tuhan, akan tetapi kadang-kadang orang yang mengetahui Tuhan telah menghadapkan jiwanya oleh pengaruh iblis terhadap seni yang tidak begitu berguna kepada negara kita. Lebih-lebih lagi, kita dapati sekarang di dalam negara kita Malaysia ini banyak juga pemuda-pemuda yang ganas, pihak yang ganas ini adalah cukup lengkap dengan seni mempertahankan diri, semangatnya sudah begitu chongkak kerana roh seni mempertahankan diri ini saya percaya ialah datangnya daripada iblis, bukan daripada Tuhan. Oleh kerana itu, jika seorang ahli seni yang mempelajari seni sudah dimasuki oleh roh seni yang betul-betul roh seni dia seorang yang saya anggap is usually the most dangerous man. Jadi walaupun bagaimana, seperti saya sebut tadi ini bukanlah pandangan parti saya.

Saya yakin dan percaya barang siapa rakyat Malaysia yang betul-betul mengamalkan roh Kudus ataupun mengamalkan ugama ataupun hal kesucian atau hal rohani, saya yakin dan percaya mereka bersetuju dengan saya supaya Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan dengan begitu teliti bukan mengesahkan berbagai seni yang dianggap merbahaya kepada pemuda-pemuda dan gadis-gadis negara. Ini akan dibuatkan menjadi sah supaya seni-seni ini akan dengan bebasnya diajar kepada golongan rakyat Malaysia yang di mana-mana baik di bandar ataupun di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga pernah mendengar dari pihak-pihak, separuh bukan semua, ahli seni yang menyatakan dia tidak takut kepada Polis oleh kerana dianggap Polis itu tidak begitu lengkap dengan pengajaran seni untuk mempertahankan diri. Jadi, inipun merbahaya juga kepada keselamatan negara kita yang mana sekarang sedang di-ancamkan dengan keadaan penganas-penganas ataupun musuh-musuh negara.

Walaupun bagaimanapun, pada ketika ini nampaknya merbahaya yang terbit ataupun yang berpunca daripada ahli-ahli seni mempertahankan diri itu tetapi saya yakin dan percaya pada masa yang akan datang jika

kita tidak mengawasi perkara ini akan meletus satu merbahaya yang akan timbul daripada para-para ahli seni mempertahankan diri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada pihak Menteri yang bertanggungjawab supaya beliau dengan beratnya menyelidiki perkara ini sebelum Rang Undang-undang ini dapat dikuatkuasakan di dalam negara kita Malaysia.

4.39 ptg.

Tuan Chin Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong dan mengalu-alukan Rang Undang-undang yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini dan saya juga suka di sini memberi sedikit-sebanyak pandangan-pandangan saya mengenai Rang Undang-undang ini, terutamanya saya berpendapat Penubuhan Majlis Penyeliaan Seni Mempertahankan Diri yang ditubuhkan di bawah Seksyen 4 dan Badan-badan Pengawal Kebangsaan yang akan ditubuhkan di bawah Seksyen 12 akan memainkan peranan yang penting. Saya harap kedua-dua pertubuhan tersebut akan sentiasa mengadakan mesyuarat antara mereka supaya mereka dapat mengkaji dan juga mencari atau memilih bahagian-bahagian yang baik dan sesuai daripada semua jenis seni mempertahankan diri. Bahagian-bahagian yang sesuai dan baik itu dapat dicantumkan untuk menjadi satu jenis seni mempertahankan diri yang kita boleh katakan inilah seni mempertahankan diri Malaysia.

Saya harap kedua-dua pertubuhan ini akan memberi sumbangan yang besar atas usaha-usaha untuk menyatupadukan rakyat kita. Barangkali ini akan menjadi satu tauladan atau contoh untuk kita mencantumkan berbagai-bagai kebudayaan yang lain yang ada di dalam negara kita ini kerana seni mempertahankan diri adalah satu jenis kebudayaan. Saya harap juga semua rakyat kita pada masa yang akan datang dalam menerima atau mempersetujui seni mempertahankan diri ini supaya pertubuhan-pertubuhan yang ditubuhkan di bawah Undang-undang ini dapat dibubarkan kelak dan saya harap juga ini akan menjadi satu jalan yang dapat menyatupadukan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi iaitu Seksyen 18 di dalam Rang Undang-undang ini pada pendapat saya nampaknya

tidak berapa baik kerana kalau dua orang sebagai yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi berlatih bersama-sama mereka akan melakukan satu kesalahan di bawah seksyen ini. Di sini saya suka merujuk kepada suatu peruntukan Undang-undang, iaitu Seksyen 141 of the Penal Code. Di bawah seksyen itu jikalau 5 orang berkumpul untuk membuat satu kesalahan barulah mereka dianggap satu unlawful assembly, iaitu mereka yang hendak menjalankan satu perbuatan yang salah tetapi di bawah Seksyen 18, jikalau dua orang yang berlatih untuk satu perbuatan yang baik, mereka juga dianggap melakukan satu kesalahan. Saya harap pada masa yang akan datang Menteri yang berkenaan dapat meminda seksyen ini supaya angka 2 ini boleh dijadikan angka 5 atau 6 atau 10 orang.

4.44 ptg.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Rais bin Yatim): Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya suka mengucapkan terima kasih kepada kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut membincangkan Rang Undang-undang ini dan dalam mana telah menyumbangkan buah fikiran dan cadangan-cadangan yang berguna ke arah memberi pengertian dan juga perlaksanaan yang sempurna bagi Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri, 1975 ini.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 17 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengeluarkan pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan ke arah membantu Kementerian ini dengan tugas-tugas mengimplementasikan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita semua. Pada keseluruhannya semua Ahli-ahli Yang Berhormat mengharapkan agar dengan berkuatkuasanya Akta ini nanti masa depan perkembangan dan kebajikan semua seni mempertahankan diri akan benar-benar terkawal, tersusun dan tidak menjejaskan mana-mana kepentingan yang luhur. Teguran-teguran adalah kebanyakannya ditujukan kepada Seksyen 18, iaitu peruntukan yang menyentuh tentang sekatan-sekatan mengenai mempelajari seni mempertahankan diri.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput, Kuala Kangsar, Kangar dan Semerah bimbang sangat bahawa peruntukan tersebut mungkin membantutkan perkembangan seni

mempertahankan diri di negara ini terutama yang lazim diamalkan di kampung-kampung dan kawasan-kawasan luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor pula khuatir dengan peruntukan di bawah Seksyen 18 (1). Beliau khuatir seni mempertahankan diri seperti silat akan terhad penyebarannya. Beliau memberi perbandingan bahawa seseorang suami yang ahli dalam seni mempertahankan diri yang cuba melatih isterinya mengenai kesenian sesuatu seni mempertahankan diri itu atau dua orang yang cuba berlatih dalam sesuatu cabang seni mempertahankan diri itu akan dikenakan denda yang begitu tinggi. Tetapi hal ini sebenarnya adalah bergantung kepada satu syarat yang amat penting, iaitu falsafah dan tujuan Kerajaan untuk meneliti barang siapa yang melibatkan dalam sebarang seni mempertahankan diri itu adalah diperlukan mempunyai kepakaran ataupun kepandaian yang tidak merbahaya yang boleh diajar atau disalurkan kepada pengikut-pengikutnya. Sekiranya beliau ini tidak berupa seorang ahli mana-mana pertubuhan seni mempertahankan diri ataupun tidak terdaftar sebagai seorang pengajar maka barulah seksyen ini berjalan kuatkuasanya, tetapi jika ditinjau dari hasrat seseorang untuk memajukan seni mempertahankan diri mengikut luns dan falsafah sebenarnya maka perihal yang ditimbulkan ini tidak akan timbul.

Oleh kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang khuatir tentang implikasi peruntukan ini perlu diterangkan di sini selanjutnya falsafah dan tanggapan yang perlu diterima sebagai asas. Kerajaan adalah mementingkan kepakaran atau keahlian dalam sesuatu jurusan seni mempertahankan diri itu sebelum atau pada masa seseorang itu menyampaikan pengajaran atau kepandaianya kepada orang lain. Sistem pengiktirafan bagi seseorang pengajar atau seseorang yang dilatih ialah melalui sistem pendaftaran. Sistem pendaftaran ini tidak akan melibatkan kesukaran kepada pihak-pihak yang benar-benar berminat dalam jurusan seni mempertahankan diri itu. Dari segi pelajar atau anggotanya pula, syarat yang dikenakan hanyalah pendaftaran melalui proses-proses yang biasa sebagai anggota sesuatu badan seni mempertahankan diri. Dengan cara ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui jentera pengawasan dan galakan Majlis Penyelesaian

Seni Mempertahankan Diri di bawah Akta ini nanti badan-badan pengawalan kebangsaan yang juga ditubuhkan di bawah Akta ini nanti dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan-pertubuhan akan menentukan kumpulan-kumpulan, badan-badan, pengajar-pengajar dan juga anggota-anggota seni mempertahankan diri yang benar-benar ikhlas dan bersungguh-sungguh untuk menciburkan diri dalam satu-satu bidang seni mempertahankan diri itu. Anasir-anasir jahat yang cuba mengambil kesempatan akan tidak berpeluang lagi untuk menganjurkan operasi-operasi sulit mereka yang bertentangan dengan dasar dan kehendak negara.

Bagi memudahkan persatuan-persatuan, badan-badan atau kumpulan-kumpulan pengajar dan pelajar-pelajar seni mempertahankan diri mengambil perlindungan yang sebenarnya di bawah Akta ini, Pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan digerak untuk memberi penjelasan-penjelasan atau huraian-huraian yang sepenuhnya bagi semua badan-badan seni mempertahankan diri yang sedia terdaftar atau yang berhajat untuk didaftarkan. Juga termasuk ialah badan-badan belia yang ada kaitannya dengan kegiatan seni mempertahankan diri.

Dengan berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini zaman operasi sulit bagi petualang yang berselindung di belakang atau topeng seni mempertahankan diri akan berakhir. Dengan penjelasan ringkas ini kekuatan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput, Kuala Selangor dan Semerah termasuk juga Yang Berhormat dari Matang tidak akan timbul lagi. Seni silat di kampung-kampung dan di daerah-daerah luar bandar akan terus bertunas, berkembang, dan mencapai peringkat kesempurnaan dalam sistem yang dirangka. Malah kita akan berpeluang mengadakan gred-gred, kelas-kelas dan mutu sesuatu seni mempertahankan diri itu ke arah mengujudkan tingkatan kecekapan atau kesempurnaan dalam pengertian dan penerimaan yang lebih luas.

Seni mempertahankan diri adalah bagi orang-orang atau kumpulan-kumpulan yang serious dalam bidang ini. Pengajaran, penyebaran atau latihan sambil lewa sudah tiada lagi tempatnya dalam taarif seni mempertahankan diri bagi negara kita.

Saranan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani supaya sebuah bentuk silat kebangsaan ditubuhkan daripada pelbagai jenis silat di negara ini, kemungkinan tidak dapat diterima oleh mahaguru-mahaguru atau pengajar-pengajar yang mempertahankan falsafah dan keadaan pengajaran masing-masing. Tetapi usaha-usaha ke arah penubuhan sebuah Majlis Seni Silat Kebangsaan memang selaras dengan Akta yang dicadangkan ini, terutama di bawah peruntukan seksyen 12—Badan-badan Pengawalan Kebangsaan. Malah pada saat ini usaha-usaha telahpun dijalankan oleh beberapa pertubuhan seni mempertahankan diri terutama seni silat di tanahair ke arah penubuhan satu silat kebangsaan. Tetapi yang penting dalam soal ini ialah bagi semua mahaguru-mahaguru dan penganjur-penganjur silat untuk mencari kerjasama yang penuh dan penerimaan hakikat perpaduan di peringkat kebangsaan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam dan Kangar yang menyarankan seni mempertahankan diri di popularkan di Sekolah-sekolah bagi tujuan menimbulkan disiplin di kalangan murid-murid dan belia. Yang Berhormat dari Matang juga telah menyentuh masalah inti dan saranan yang disalurkan ke arah objektif ini patutlah diterima dengan senang hati dan lunas-lunas ke arah kerjasama antara Kementerian-kementerian yang berkenaan juga adalah dalam pandangan.

Benar sebagaimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam dan Besut kegiatan-kegiatan sah melalui seni mempertahankan diri akan melahirkan perpaduan dan muhibbah asalkan pengajaran dan pelajaran sesuatu seni mempertahankan diri itu disertai oleh berbilang kaum. Penggalakan akan dilaksanakan supaya sesuatu seni mempertahankan diri itu membuka pintu bagi menerima penyertaan dari semua kaum.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Besut supaya Kementerian Pelajaran bekerjasama dengan menasihatkan pengajaran seni mempertahankan diri di sekolah hal ini akan diikhtiar peninjauannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ulasan dan jawapan ini tidaklah dapat saya sebutkan satu-persatu apa-apa perkara secara detail yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat di Dewan ini, tetapi pada keseluruhannya dapatlah disebutkan bahawa Akta ini adalah memberi kesan yang menyeluruh yang baik kepada pergerakan yang melibatkan seni mempertahankan diri di seluruh tanahair.

Mana-mana Ahli Yang Berhormat yang tidak puas hati dengan daftar di bawah Perkara No. 7 Jadual Pertama bolehlah meninjau semula kuatkuasa yang ada pada Seksyen 2 Akta ini iaitu Menteri yang berkenaan mempunyai kuasa untuk menambah atau mengurangkan daftar di bawah Jadual ini.

Selain daripada itu perkara yang ditimbulkan bahawa sia-sia Kerajaan mengadakan Akta ini oleh kerana kita adalah menggalakkan bahagian-bahagian lain dalam masyarakat kita untuk bermaharajalela tidaklah benar. Oleh kerana jika Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti seksyen-seksyen di bawah 18 dan juga 13 kita akan dapat jawapan-jawapan ini dengan tegas. Tujuannya adalah bagi membela sambil mempelupori cara-cara baru untuk memberi lunas baru dan juga peduman-peduman yang membina bagi semua badan seni mempertahankan diri di tanahair kita.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 27 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

HILANG KELAYAKAN JADI AHLI PARLIMEN—Y.B. ENCIK FAN YEW TENG DIROJOK KEPADA JAWATAN-KUASA HAK DAN KEBEBASAN

4.59 ptg.

Timbalan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan suatu usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, memandangkan sabit kesalahan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi ke atas Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng, seorang Ahli Dewan ini bagi Menglembu, *membuat ketetapan* bahawa soal samada beliau telah hilang kelayakannya sebagai Ahli Dewan ini hendaklah dirojokkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan Jawatankuasa itu diarah mengeluarkan penyata itu kepada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pada Persidangan Dewan ini petang semalam, hari Khamis, 30hb Oktober, 1975, Datuk Pemangku Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah memberitahu Dewan ini kandungan sepucuk surat yang telah diterima daripada Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi bertarikh 29hb Ogos, 1975 memaklumkan bahawa rayuan ulangbicara Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan dengan sebulat suara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang terkandung di dalam usul ini bahawa Dewan ini adalah diminta membuat ketetapan bagi merojokkan masaalah samada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu iaitu Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng telah hilang kelayakannya sebagai Ahli Dewan ini bersabit dengan kesalahan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi ke atasnya kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan bahawa Jawatankuasa itu diminta untuk mengeluarkan penyata di atas perkara ini kepada Dewan ini untuk diputuskan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng telah didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 4 (1) (c) Akta Asutan 1948 (dipinda 1969) kerana menerbitkan suatu rencana di dalam lidah rasmi

D.A.P. "The Rocket" keluaran bulan Disember, 1970. Beliau telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur pada 6hb hingga 11hb Mei, 1971. Pada 11hb Mei, 1971 beliau telah disabitkan di atas kesalahannya dan dijatuhkan hukuman denda dua ribu ringgit atau enam bulan penjara.

Menurut Fasal 48 (1) (e) Perlembagaan Persekutuan tentang Hilang Kelayakan Menjadi Ahli Parlimen, menyebutkan:

"ia telah dithabitkan suatu kesalahan oleh sesuatu Mahkamah di Persekutuan (atau, sebelum Hari Malaysia, di wilayah-wilayah yang terkandung dalam sesuatu Negeri Borneo atau di Singapura) dan dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan ia tidak mendapat ampun".

Dalam bahasa Inggerisnya :

"he has been convicted of an offence by a court of law in the Federation (or, before Malaysia Day, in the territories comprised in a Borneo State or in Singapore) and sentenced to imprisonment for a term of not less than one year or to a fine of not less than two thousand dollars and has not received a free pardon".

Berdasarkan Fasal ini dengan kesalahan dan hukuman yang telah dijatuhkan ke atasnya oleh Mahkamah Tinggi, maka Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng hilang kelayakannya sebagai Ahli Parlimen.

Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng pada 13hb September, 1971 telah mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Rayuan Persekutuan di atas keputusan Mahkamah Tinggi mensabitkan kesalahannya dan hukuman denda sebanyak dua ribu ringgit atau enam bulan penjara. Mahkamah Rayuan Persekutuan telah menimbangkan rayuan Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng dan pada 16hb September, 1971 dan telah mengenenikan hukuman ke atas beliau.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng telah dibicarakan sekali lagi oleh Mahkamah Tinggi pada 5hb hingga 12hb Ogos, 1974 dan perbicaraan itu disambung semula dari 6hb hingga 7hb Januari, 1975. Mahkamah Tinggi pada 13hb Januari, 1975 sekali lagi menjatuhkan hukuman denda dua ribu ringgit atau enam bulan penjara ke atas kesalahannya kerana menerbitkan rencana di dalam lidah rasmi

D.A.P. "The Rocket" keluaran Disember, 1970 yang didapati salah di bawah Seksyen 4 (1) (c) Akta Asutan 1948 (dipinda 1969).

Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng walau bagaimanapun telah mengemukakan suatu rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi itu kepada Mahkamah Persekutuan. Pada 16hb Jun, 1975 Mahkamah Persekutuan setelah menimbangkan rayuannya telah membuat keputusan sebulat suara menolak rayuan Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng.

Fasal 53 Perlembagaan Persekutuan menyebutkan:

"Jika berbangkit apa-apa soal samada seseorang ahli Majlis Parlimen telah hilang kelayakan menjadi ahli, maka soal itu hendaklah diputuskan oleh Majlis itu dan keputusannya itu adalah muktamad".

atau dalam bahasa Inggerisnya :

"If any question arises whether a member of a House of Parliament has become disqualified for membership the decision of that House shall be taken and shall be final."

Maka dengan ini walaupun Fasal 48 (1) (e) Perlembagaan Persekutuan menentukan bahawa dengan kesalahan dan hukuman yang telah dijatuhkan ke atasnya, Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng hilang kelayakannya menjadi seorang Ahli Parlimen, Fasal 53 Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Dewan ini untuk membuat keputusan muktamad mengenai hal ini. Maka dari sebab itulah usul ini dibawa untuk pertimbangan Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kelulusan Dewan ini supaya Jawatankuasa Hak dan Kebebasan mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Fasal 80 (1) menimbangkan kedudukan Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng sebagai Ahli Dewan Rakyat di atas sabit kesalahannya menurut Seksyen 4 (1) (c) Akta Asutan 1948 (dipinda 1969) dan hukuman yang telah dijatuhkan ke atasnya sesuai dengan kehendak Fasal 53 Perlembagaan Persekutuan. Saya juga meminta kepada Jawatankuasa ini untuk mengeluarkan penyata di atas perkara ini dengan seberapa segera untuk diputuskan oleh Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.10 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakan-rakan saya sangat terkejut dengan usul yang baharu dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri meminta ketetapan Dewan ini bahawa soal samada saudara Yang Berhormat Fan Yew Teng telah hilang kelayakan sebagai Ahli Dewan ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebagai Ahli Dewan.

Kita sangat terkejut oleh kerana usul dikemukakan di masa ini dan apabila dianggap timing dan keadaan kita bagi pihak di sini menganggap bukan sahaja usul ini unconstitutional atau tidak mengikut perlembagaan, undemocratic atau tidak demokratik tetapi bertujuan untuk menghukum dan menakutkan pihak Pembangkang.

Hukuman yang telah dijatuhkan ke atas saudara Fan Yew Teng oleh Mahkamah Tinggi ialah oleh kerana menerbitkan rencana dalam Lidah Rasmi "The Rocket" oleh kerana dikatakan menghasut, bukan dijatuhkan hukuman itu semalam atau minggu lalu tetapi pada 13hb Januari, 1975, 10 bulan dahulu. Kenapa perkara ini tidak dikemukakan dalam mesyuarat-mesyuarat Dewan Rakyat dulu dan baharu ini dibangkitkan. Kita tahu ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Kerajaan sangat tidak berpuas hati dalam mesyuarat ini, khasnya oleh kerana kedua-dua usul pada hari yang pertama kita ada kemukakan. Usul yang pertama mengenai Sekolah-sekolah China dan Sekolah-sekolah Tamil dan yang kedua mengenai korupsi di dalam jawatan-jawatan yang tinggi. Adakah ini langkah satu riaksi "retaliatory", atau menghukum oleh pihak Kerajaan? Adakah inipun satu langkah "retaliatory" oleh Kerajaan oleh kerana pihak D.A.P. selalu mencabur constitutionality, atau sah atau tidak sah peraturan-peraturan Kerajaan yang sedang diambil dan dilaksanakan.

Orang ramai tentu akan ingat pada bulan Februari tahun ini dimana satu percubaan yang tidak sah ada dibuat untuk melucutkan saudara Fan Yew Teng daripada kedudukannya dan untuk melucutkan pengundi-pengundi dan penduduk-penduduk Menglembu terhadap wakil rakyat mereka. Dan satu

arahan pilihanraya dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengadakan satu pilihanraya kecil di Menglembu pada 15hb March. Sungguhpun Saudara Fan Yew Teng ada merayu atas kedua-dua kesalahan dan hukuman dan masa itu belum habis atau exhausted legal remedies yang mana ada kemungkinan-kemungkinan jalan-jalan legal yang terbuka kepadanya untuk menegenipkan hukuman Mahkamah Tinggi, tetapi Kerajaan mengabaikan hak Saudara Fan Yew Teng oleh kerana mahu mengadakan dengan paksa satu pilihanraya kecil di Menglembu.

Kita ada pergi ke Mahkamah dan mencabar dan kita telah berjaya oleh kerana kedudukan kita pada segi undang-undang dan pada segi Perlembagaan adalah disokong oleh Mahkamah dan Kerajaan terpaksa bayar perbelanjaan. Betul, Mahkamah Persekutuan (Federal) sekiranya tidak silap ada menolak rayuan saudara Fan Yew Teng pada 16hb Julai. Dan masa itu kita semua boleh ingat lagi Dewan Rakyat ada dalam persidangan iaitu pada pertengahan bulan Julai. Sungguhpun persidangan Dewan Rakyat pada masa itu sedang berlangsung selama dua minggu iaitu sampai 31hb Julai tetapi tidak ada usul seperti ini dikemukakan. Soalnya sekarang kenapakah soal ini atau usul ini dikemukakan pada masa sekarang? Saudara Fan Yew Teng sekarang sedang merayu kepada Privy Council terhadap keputusan Federal Court. Dan apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri ada membaca surat yang diberitahu kepada Dewan ini oleh Tuan Yang di-Pertua semalam, beliau tidak sebut bahawa Tuan Abdul Hamid bin Haji Mohamed, Timbalan Pendaftar, ada berkata bahawa saudara Fan Yew Teng berniat merayu. Dalam surat ini, dengan izin, Tuan Abdul Hamid ada berkata:

"Untuk makluman Datuk seterusnya Tetuan Karpal Singh, Wong & Co., Peguambela kepada Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng telah menulis kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan pada 9hb Ogos, 1975, memohon salinan sah catitan-catitan perbicaraan untuk membolehkan beliau membuat permohonan untuk mendapat kebenaran khas (special leave) untuk merayu Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Privy Council).

Catitan-catitan perbicaraan itu sedang disediakan dan akan diberi kepada Peguambela tersebut dalam sedikit masa lagi.

Memandang kepada surat Peguambela tersebut nampaknya, setakat ini Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng adalah berniat untuk membuat rayuan ulang-bicara kepada ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong."

Dan bukan sahaja kita tahu ada notis yang terkandung di dalam surat ini Peguambela saudara Fan Yew Teng, saudara Karpal Singh pada bulan September ada menulis sepucuk surat kepada Yang Berhormat Peguam Negara (Attorney-General), Tan Sri Abdul Kadir, memaklumkan kepadanya bahawa kertas-kertas rayuan telah dihantar ke England untuk membolehkan tindakan yang sewajar diambil untuk merayu kepada Privy Council. Saya baru-baru ini selepas mendapat notis usul dihadapan Dewan hari ini ada menalipun saudara Karpal Singh, dan dia baru ini tadi memberitahu saya bahawa Peguam-peguam di London—Solicitors from London ada menulis kepadanya baru-baru ini bahawa kertas-kertas rayuan telah dikemukakan kepada Privy Council untuk tindakan dimulakan.

Saya mahu menegaskan di sini bahawa antara 13hb Januari dan hari ini tidak ada apa unsur-unsur baharu atau circumstances yang baharu untuk menerangkan atau justify usul di hadapan kita hari ini.

Rayuan kepada Federal Court, rayuan kepada Privy Council semuanya langkah-langkah di dalam proses merayu. Oleh kerana kes ini sekarang dalam tangan Mahkamah, saya rasa Dewan Rakyat mesti menengguhkan perkara ini, menengguhkan keputusan atau pertimbangan atas perkara ini sehingga proceedings undang-undang dihabiskan. Sekiranya Dewan ini meluaskan usul ini dia akan menjadi precedent yang tidak sihat di mana Dewan nampaknya telah campur tangan dalam proses undang-undang dan akan undermine prinsip rule of law. Usul inipun bertentangan dengan semangat constitution dan unconstitutional.

Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebut Fasal 53 dalam Constitution tetapi Fasal 53 ialah:

Article 53—Decision as to disqualification

"If any question arises whether a member of a House of Parliament has become disqualified for membership, the decision of that House shall be taken and shall be final."

That was also quoted by the Honourable Deputy Minister.

Tetapi sangat malang dan saya merasa sangat kesal Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak membaca Fasal yang penuh. Dengan izin, ada satu perenggan iaitu,

"Provided that this Article shall not be taken to prevent the practice of the House postponing a decision in order to allow for the taking or determination of any proceedings that may affect the decision (including proceedings for the removal of the disqualification)."

In line with this Constitutional provision, therefore the House

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah meminta izin hendak bercakap dalam bahasa Inggeris?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Quotation ada izin, tetapi hendak bercakap dalam bahasa Inggeris belum ada. Minta izin pun belum ada, dibenarkan pun belum.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta izin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik!

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, in line with this Constitutional provision, therefore, the House should not take any decision "in order to allow for the taking or determination" of the Privy Council appeal proceedings which have been initiated and which would affect the decision of this House.

Secondly, the qualifying circumstance in the first part of Article 53 that the House shall take a decision if any question arises whether a Member of a House of Parliament has become disqualified for membership, I submit, does not exist.

Here I wish to refer, Tuan Yang di-Pertua, to Article 50 (1) of the Constitution, which reads:

“If a member of either House of Parliament becomes disqualified for membership of that House his seat shall become vacant.”

Here it is very clear and specific that if a Member of either House of Parliament becomes disqualified for membership of that House, his seat shall become vacant. It has been legally determined, Tuan Yang di-Pertua, that the seat of Menglembu has not become vacant and that is why the High Court stopped the Menglembu bye-election on the 12th March, 1975. Where there is no vacancy in the Menglembu Parliamentary Constituency, therefore, it logically follows that no question arises as to Saudara Fan Yew Teng's status as a Member of Parliament. For the Dewan Rakyat to proceed with this Motion despite the High Court judgement that there is no vacancy would be a gross interference with the judicial process and would undermine public respect in the Rule of Law and the independence of the Judiciary. I suggest that this Motion be withdrawn until Saudara Fan Yew Teng has exhausted all his legal remedies, for such a withdrawal would positively enhance public confidence in the Rule of Law, respect for the Constitution and the independence of the Judiciary. Should the Government, relying on its massive majority in the Chamber, decide to ram through this undemocratic, unconstitutional and politically motivated Motion, the D.A.P. would stage a mass walk-out in protest against such triple violations—against the Constitution, against the Rukunegara and against the spirit of democracy. Thank you.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebelum saya benarkan sesiapa Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu usul ini tidak meminta Majlis ini mengambil ketetapan supaya Ahli Yang Berhormat dari Menglembu dilucutkan daripada keahlian-nya. Tetapi hanya minta dibincangkan di sini supaya diputuskan bahawa perkara ini dibawa kepada Jawatankuasa Pilihan Khas atau Jawatankuasa Hak dan Kebebasan iaitu di bawah Peraturan Mesyuarat ini 80 (1) saya bacakan:

“80. (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, mengandungi Tuan

Yang di-Pertua sebagai Pengerusi dan enam orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih dengan seberapa segeranya yang boleh selepas dimulakan tiap-tiap Parlimen. Kepada Jawatankuasa ini hendaklah diserahkan apa-apa perkara yang nampaknya menyentuh kuasa-kuasa, hak-hak dan kebebasan Majlis. Adalah jadi kewajiban atas Jawatankuasa ini menimbangkan apa-apa perkara demikian itu yang diserahkan padanya, dan mengeluarkan penyata di atas perkara-perkara itu kepada Majlis.”

Dan pada permulaan Penggal Parlimen ini sudah dilantik ahli-ahli itu seorang daripadanya ialah Ahli Yang Berhormat, Ketua Parti Pembangkang—seorang daripada Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada pembukaan atau permulaan Dewan ini dahulu. Dan sebagai penjelasan untuk setengah daripada Ahli bunyinya di dalam bahasa Inggeris iaitu Standing Order 80 (1):

“80. (1) There shall be a Committee to be known as the Committee of Privileges to consist of Tuan Yang di-Pertua as Chairman and six members to be nominated by the Committee of Selection as soon as may be after the beginning of each Parliament. There shall be referred to this Committee any matter which appears to affect the powers and privileges of the House. It shall be the duty of the Committee to consider any such matters to them referred, and to report on them to the House.”

Pada himat saya, usul ini tidak memerlukan perbincangan yang panjang, tetapi setelah Jawatankuasa ini bermesyuarat dan menghantarkan laporannya kepada Majlis ini, pada masa itu ada satu perbincangan lagi mengikut apa juga perakuan atau recommendation daripada Committee ini. Pada hari ini hanya hendak mengambil satu keputusan samada Dewan ini bersetuju atau menolak usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, sebagaimana yang saya bacakan tadi, iaitu perkara ini diserahkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

5.29 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sedikit sebanyak atas usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya izinkan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah benar, tetapi malangnya, beliau tidak menerangkan sepenuhnya apa yang berlaku pada masa yang dahulu.

(*Dengan izin*) Di dalam perbicaraan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, kes Yang Berhormat Tuan Fan Yew Teng telah dibawa ke Privy Council dan Privy Council menjatuhkan hukuman in favour of Fan Yew Teng on a technicality, that is, that the case was brought to the High Court without a Preliminary Enquiry as required under the law. Malangnya, Timbalan Menteri yang berkenaan tidak menyebutkan tentang aspect ini. Tuan Yang di-Pertua, selepas hukuman Privy Council, Kerajaan Perikatan pada masa itu, atau Attorney-General pada masa itu, telah memutuskan bahawa saudara Fan Yew Teng perlu dibawa ke Mahkamah semula lagi. Ini bermakna bahawa he had to be tried again, and there was a Preliminary Enquiry and the Preliminary Enquiry had decided that there was a case for him to answer. Then he was brought to the High Court and the High Court decided that he should be fined. Then he appealed to the Federal Court and the Federal Court turned down his appeal.

Tuan Yang di-Pertua, selepas itu kita ada surat daripada Dewan ini kepada Mahkamah Tinggi dan kita telah ada jawapan daripada Mahkamah Tinggi yang ditandatangani oleh Timbalan Pendaftar yang menyatakan bahawa saudara Fan Yew Teng ada hak untuk membawa kes ini ke Privy Council. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan seorang peguam, saya lihat ada beberapa peguam di Dewan ini, tetapi pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, it is well-known that when a case is brought to the Federal Court and is lost there, the accused can appeal to the Privy Council, but, as I see it, not being a

lawyer, and I stand corrected, the Federal Court can then decide whether the accused should be given leave to appeal to the Privy Council. We are told in this letter that he has the right to appeal but we are not told whether he has been given this leave or not. Then, as I understand it also, if leave is given for an appeal to the Privy Council, the Privy Council can also decide whether it will want to entertain the appeal or it can decide that there is no case and they do not want to hear the case. So, Mr Speaker, Sir, there are two further road blocks to saudara Fan Yew Teng.

I, like the Honourable Member for Kota Melaka, am not only surprised, but I find that to me it is most regrettable that the Government wants to be in such a hurry to bring the case to the Committee of Privileges. Let us not fool ourselves. The forwarding of the case of saudara Fan Yew Teng to the Committee of Privileges is a preliminary to deprive him of his membership of the House. We are not playing marbles in this House. When the Government does something it must not think that those of us in this House or the country at large do not know what are its intentions. But I say this is regrettable because the Government must know by bitter experience, Mr Speaker, Sir, that what it does must be in accordance with the law; there is the Rule of Law in this country and I am glad that the Judiciary in this country can give independent decisions.

It is regrettable, Mr Speaker, Sir, that the Honourable Deputy Minister has not touched on certain other aspects of the Fan Yew Teng case. I shall come to it a little later. The Deputy Minister has not mentioned that the Dewan Rakyat—and I do not know up to today who is responsible—but as soon as saudara Fan Yew Teng lost his case in the High Court the Dewan Rakyat decided to write to the Election Commission to say that there was a vacancy and the Election Commission then proceeded to hold a bye-election for that vacancy. Now, to me and to the country at large it was very clear that the Government or the Barisan Nasional at that time felt that they had done wrong because we had the unprecedented action on the part of the ruling party from 1955 to say that they would not take part in the bye-election. There has never been any bye-election or general election in this country when the ruling party has given a “walk-over” to any

party. But, in this case, it felt that was a very bad wicket and therefore it decided to stay clear. Of course, saudara Fan Yew Teng decided that he was not going to take things lying down and he appealed to the High Court to get a stay of execution of the action taken by the Election Commission, and I am glad that the Judiciary, the High Court, decided that saudara Fan Yew Teng was still qualified as an M.P. and that he had not exhausted every legal redress open to him and, therefore, until that was done, he should retain his seat in this House.

Mr Speaker, Sir, there must be lots of legal pundits sitting opposite me, behind the Government Benches and amongst the Government Benches, front or backbenches, who have legal talents, and I am surprised that with the decision of Justice Azmi they have now come up to this House to ask this House to pass a Resolution to forward the case of saudara Fan Yew Teng to the Committee of Privileges as a prelude to the deprivation of his membership of this House.

The essence of this is very simple, Mr Speaker, Sir. The Deputy Minister has read out one part of Article 53 of the Constitution. Unfortunately, he has not read out Article 53 in full, as has been pointed out by the Member for Kota Melaka. Now, the essence of this is very simple. The Member in question should be allowed to exhaust every legal redress open to him. His appeal to the Federal Court has been turned down. Now, if he is allowed leave by the Federal Court—about which we do not know—and if the case goes to the Privy Council and if in the Privy Council his appeal is turned down, then if the Government takes an action like this, I would support them. But the essence is this, that saudara Fan Yew Teng has not been given a chance to take every legal redress open to him. Why this inordinate hurry? Why this indecent haste?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya betulkan sedikit, sila duduk dahulu. Dia sudah diberi semua percubaan, tinggal akhir sahaja lagi, Privy Council. Saya bukan hendak membahaskan tetapi hendak membetulkan sebagai Yang di-Pertua. Kalau sudah selesai semua tidak payah direfer kepada Committee of Privileges—itu Artikul 50 dalam Constitution sahaja sudah boleh dijalankan dan ada juga di dalam Standing Orders kita. Tetapi bagaimana saya kata

cuba ditumpukan (confine) hujjah-hujjah ini, mengapa tidak patut perkara ini dibawa kepada Committee of Privileges, ini yang saya hendak. Tidak usahlah ulang cerita lama-lama dahulu seperti cerita pilihanraya kerana Yang Berhormat dari Kota Melaka sudah memberitahu tadi dan tidak payah diulangi lagi. Jadi yang kuatnya, sebagaimana saya kata tadi, satu daripadanya ialah kerana perkara ini di dalam appeal lagi—itu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sila teruskan kalau ada lagi.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, I do not know that if the case is taken to the Privy Council and is lost—let us say that saudara Fan Yew Teng is allowed to take his case to the Privy Council and loses the case—nevertheless, Mr Speaker, Sir, I submit that according to the Constitution, the Government should forward the case to the Committee of Privileges and the Committee of Privileges can then forward its recommendations to this House. This House, in its wisdom then can either give him a warning as has been done in the past in the case of members who have offended the Standing Orders in this House or this House, in its wisdom, may well give him a pardon with a caution, or this House may then decide to deprive him of his membership of this House.

I submit, Sir, that this motion is putting the cart before the horse. This motion is unnecessary and the Government should wait until the due process of the law is open to saudara Fan Yew Teng are all exhausted before the Government take this sort of action.

5.42 *ptg.*

Tuan Leo Moggie anak Iroke (Kanowit): Tuan Yang di-Pertua, I would not be saying very much. Minta maaf. Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mula-kanlah dalam Bahasa Malaysia. Bila sudah tidak boleh berjalan lagi, baru pakai tongkat. Jadi, bila tidak boleh dalam Bahasa Malaysia, baru boleh gunakan bahasa Inggeris.

Tuan Leo Moggie anak Iroke: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah mendengar apa yang telah dicakapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang di Dewan ini.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, I share with most of what has been said and it would not be necessary for me to go over the things that have been said. My intention is to caution, as I well know Dewan ini memanglah dapat meluluskan usul di hadapan kita ini kerana Ahli-ahli daripada Barisan Nasional terbanyak, tetapi when this Motion is passed, it would be remiss on my part, Mr Speaker, Sir if I should not suggest caution and wisdom when the matter is considered in the Committee of Privileges. The point and the very essential point is that the legal proceedings, as has been pointed out, have not been exhausted and until these proceedings are exhausted, it would be unwise, I feel, for us to take action which might deprive this House of the legitimate representation from a Member articulate enough to give his views and to advise the House on matters that is of interest to this nation.

Tuan Yang di-Pertua, my intention is to associate myself and with me the Members of the Sarawak National Party, to suggest very seriously, Sir, that when the Committee of Privileges meets, it would be wisdom for them to consider an act of magnanimity and instead of using the power of numbers for the bad of the country, use that for wisdom and guidance.

5.44 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi sedikit pandangan dan di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Pembangkang, khasnya D.A.P. tentang dan tidak bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam. Banyak sebab-sebabnya dan saudara saya Yang Berhormat dari Kota Melaka telah memberi banyak pandangan berkenaan law sebabnya cadangan ini tidak adil dan tidak perlu (necessary). Saya tidak hendak mengulang apa yang beliau telah sebut dan apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Kanowit, maka di sini saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam bolehkah pihak Kerajaan menarik balik

cadangan ini sebab cadangan ini tidak berbangkit daripada asas yang democratic atau daripada asas yang ada lojik.

(*Dengan izin*) When this House, resumed its meeting last Monday, the Honourable Member for Kota Melaka introduced two motions which hurt members of the Government Benches deeply and thoroughly. As a result, the very day after, in the corridors of this House there was a very strong wave of rumours stating that a motion against Fan Yew Teng will be introduced to suspend him or to that effect. No doubt, this Motion is not to deprive the Member for Menglembu, Saudara Fan Yew Teng, of his M.P. status; nevertheless, we on this side view it as the preliminary, as a first step to the ultimate. I would ask Yang Berhormat Timbalan Menteri and his friends to use their heads to think rather than think with their feet.

Instances in the past few weeks have shown that the Government had tended to panic with every circumstance that occurred in the country or even outside the country. Demonstrations undertaken by students in Australia have met with unprecedented measures.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Honourable Member for Seremban, I draw your attention to Standing Order 36 (1). You must confine your observations to the subject under discussion. Do not touch on the students because we have had enough of it already the other day. Please proceed.

Dr Chen Man Hin: I was just trying to bring in an example to show that the Government has been acting in a panicky way and introducing quite a number of Motions which are quite unnecessary.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I can allow you a certain latitude, but not to repeat what had been said here already. Please proceed.

Dr Chen Man Hin: Thank you, Tuan Yang di-Pertua. I also wish to support what my colleague has said just now with regard to the legal points raised by him. I would like also to say that I am an ordinary man who is not well versed in law but I have read Tun Mohamed Suffian's book, "An Introduction to the Constitution" and part of it states that it is the practice to postpone

a decision regarding the disqualification of an M.P. by Parliament if he is taking steps to remove his disqualifications. So a person as distinguished as Tun Mohamed Suffian has stated without any qualification that it is the practice for an M.P. to be allowed to seek all the legal remedies possible to decide his fate. I, therefore, also ask Yang Berhormat Timbalan Menteri to withdraw the Motion. One mistake has been made before when the Dewan Rakyat hurriedly issued a writ to the Election Commission to have a bye-election in Menglembu. That mistake was made and there the Government was made a laughing stock—the whole country was laughing, not only here but internationally. This example, I hope would probably deter the Timbalan Menteri from also rushing into this decision to introduce this Motion in a rather urgent and hurried way without thinking.

If it is a threat to the DAP, to keep the Opposition from making statements or criticisms about the Government, then I say that the Government is barking up the wrong tree. You can remove one Fan Yew Teng, you can remove two Fan Yew Tengs, you can remove the whole nine DAP members, it does not really matter because the issues that confront the nation are still there. Without the Opposition to present these issues, to present the hopes, the complaints and the dissatisfactions of the people without the Opposition from SNAP, without the Opposition from Pekemas—you remove us one by one, you can do that, you have the power, you have the majority—but what purpose will it serve? No purpose! Remove us, the democratic Opposition, and you have to face the undemocratic Opposition. Whom do you want to face? I suggest that you face us, we who are more considerate. Luckily for you, we are not the ones who like to take up arms; we would rather take you on with our brains.

So with these few words, I would suggest to the Timbalan Menteri to withdraw the Motion because it looks silly and if Fan Yew Teng were to win again this time at the Privy Council, it would be a repeat of the Menglembu affair—there would be another loss of face for the Government. Otherwise, if they refuse to withdraw the Motion, then I would challenge them to introduce a Motion to disqualify Fan Yew Teng straightaway and have another bye-election. We can fight again in the fields of Menglembu.

5.52 *ptg.*

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, kerana saya sangat faham akan kandungannya di dalam Bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris.

Selain daripada itu, keterangan-keterangan yang diberikan oleh beliau pun saya faham. Itulah sebabnya saya menyokong dan tidak ragu-ragu berdiri membangkang, sungguhpun saya menjadi Ahli Dewan Rakyat Barisan Nasional, jika perkara-perkara yang tidak akan mendatangkan faedah kepada rakyat, saya tidak akan ragu-ragu menentang. Tetapi seperti saya katakan tadi apa yang dikemukakan adalah satu perkara yang saya percaya kita sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat, kita sebagai manusia “hidup dikandung adat, mati dikandung tanah” dan kerana kita Ahli-ahli Dewan Rakyat yang mempunyai tata-tertib yang khas dan tata-tertib ini di bawah kawalan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, maka sewajarnya kalau disangkakan tata-tertib seorang Ahli Dewan Rakyat itu melebihi daripada batasan, dibawa kepada perhatian dan tindakan Jawatankuasa tersebut kerana sebagaimana diterangkan tadi, bukan Dewan hari ini untuk membincangkan samada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu itu disingkirkan atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai warganegara Malaysia yang cintakan kepada bangsa dan suka melihat negara kita aman dan damai apa yang perlu dan sentiasa disedari dan diawasi ialah cara-cara kita berbudi bahasa terhadap satu dengan lain. Jika seseorang itu terdiri dari Ahli Dewan Rakyat ataupun sebagai seorang wakil rakyat maka lebih-lebih lagi patut kita menjaga tata-tertib tersebut sebagai contoh kepada orang ramai. Tata-tertib ini bukanlah hanya di masa kita berucap di dalam Dewan ini tetapi juga di luar, bukan sahaja hanya masa kita berucap tetapi juga di masa-masa kita mengarang atau menulis satu-satu surat, lebih-lebih lagi apabila bertulis kerana lama boleh

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cuba tumpukan dan bataskan perbahasan kepada usul.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Kalau kita telah menyedari berkenaan dengan merbahayanya kelakuan dan perbuatan yang tidak

bertanggungjawab itu menimbulkan suatu issue yang dianggap sensitif maka itu hendaklah kita jauhkan kerana kita tidak suka lagi perkara-perkara ataupun peristiwa bagaimana trajedi 13 Mei itu diulangi. Ada tuduhan yang mengatakan bahawa kita membawa cadangan ini kerana kita hendak mengertak atau hendak menakut-nakutkan Ahli-ahli parti Pembangkang. Saya fikir perkara ini tidak timbul. Misalnya, semalam dengan bebas mereka berkata itu dan ini, saya sendiri kalau tidak sabar dan tidak sedar pada diri saya sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat dan kemuliaan Dewan ini, barangkali harus saya melompat dari kerusi ini dan tidak tahu apa akan berlaku. Tetapi kerana saya sabar, saya sedar perkara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baguslah sabar seperti itu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Ini menunjukkan kita membebaskan mereka, kita tidaklah mahu menggertak mereka, tetapi sebaliknya mereka yang menggertak kita. Perkara ini sememang semua orang boleh membuktikannya. Mengatakan perkara yang kita bawa ini adalah satu perkara yang undemocratic dan sebagainya tidak payah dijawab di Dewan yang mulia ini. Semua orang tahu samada kita mengamalkan demokrasi ataupun tidak. Jadi setakat dibawa kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan itu, saya menyokongnya dan di samping saya menyokong itu, saya memintalah kepada Jawatankuasa yang bertanggungjawab, lebih-lebih lagi kerana ahli-ahlinya iaitu Ketua Parti Pembangkang sendiri pun ada di dalamnya, buatlah satu keputusan yang tegas, satu keputusan yang kelak tidak dapat diungkit-ungkit oleh sesiapa pun, tidak dapat menuduh pihak Kerajaan bersikap curang, bersikap undemocratic, bersikap konon takut kepada 16 orang Pembangkang dan sebagainya.

5.59 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): Saya minta izin bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I am quite surprised that the Honourable Deputy Minister has thought it fit to move this

Motion today. Mr Speaker, Sir, I wish to draw the attention of this House to Standing Order 36 (2) which reads as follows:

“Reference shall not be made to any matter which is *subjudice* in such a way as might in the opinion of the Chair prejudice the interests of parties thereto.”

As has been said, Mr Speaker, Sir, the matter is now before the Privy Council and I wish to draw the Honourable Minister's attention to Article 131 of the Federal Constitution.

Sir, the Privy Council is part of the hierarchy of our Courts. Perhaps some Members in this House tend to think that after the Federal Court the Privy Council is not important. Now, in this respect, Article 131 (1) of the Federal Constitution states:

“The Yang di-Pertuan Agong may make arrangements with Her Majesty for the reference to the Judicial Committee of Her Majesty's Privy Council of appeals from the Federal Court; and, subject to the provisions of this Article, an appeal shall lie from that Court to the Yang di-Pertuan Agong in any case in which such an appeal is allowed by federal law, and in respect of which provision for reference to the said Committee is made by or under the enactments regulating the proceedings of the said Committee.”

Mr Speaker, it is important that we bear in mind that once a case is still under appeal, it is against the practice of this Court to decide on the matter, although I do not say that it has no right. Further, Sir, if this Motion is passed today, it will be

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila duduk. Kalau atas soal ini, saya beri rulingnya, iaitu usul ini berkait dengan surat yang telah saya bacakan pada hari semalam yang mengatakan bahawa ada usaha hendak memintanya tetapi belum ada meminta, jadi usul ini dibincangkan atas surat itu. Dengan sebab itu, saya rule, ianya boleh dibincangkan.

Tuan Ngan Siong Hing: Mr Speaker, I beg to disagree with you, but anyway

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau tak agree, itu bukan fasalnya. Hendak keluar daripada sini tak ada apa-apa. Kalau hendak berlawan dengan Yang di-Pertua, cubalah.

Tuan Ngan Siong Hing: Anyway, Tuan Speaker, I further draw your attention to Standing Order 83 wherein it is stated that the Committee shall have power to send for persons, documents, or papers and shall report from time to time.

Sir, I have with me Erskine May's Parliamentary Practice, the latest edition—the 18th edition—and on page 139 it states

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: What book is that?

Tuan Ngan Siong Hing: Erskine May's Parliamentary Practice. Can I read it to you, Sir?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: How long are you going to read?

Tuan Ngan Siong Hing: It is very short, just a few lines.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: One paragraph?

Tuan Ngan Siong Hing: Yes, less than a paragraph.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: All right, as a matter of interest. Probably some Members might not have read it.

Tuan Ngan Siong Hing: In this book it is stated that "It is customary to order the Member, if absent, to attend in his place before an order is made for his expulsion in order to give him an opportunity to vindicate himself." The Member concerned is not here, Sir, and under Standing Order 83, if this matter is referred to the Committee, this Committee will have to call for persons, papers and documents, but all these documents are now in London with the Privy Council.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: That is all right. We will cross the bridge when we come to it.

Tuan Ngan Siong Hing: Further, as stated by the Honourable Minister, Article 48 (1) (e) of the Federal Constitution reads and I quote: "Subject to the provisions of this Article, a person is disqualified from being a member of either House of Parliament if he

has been convicted of an offence by a court of law in the Federation" and so on and so forth.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Where do you have "and so on and so forth" here? (*Ketawa*).

Tuan Ngan Siong Hing: I did not read the whole lot of it.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: If you want to quote, quote properly and unquote. That is the way a Member of Parliament quotes.

Tuan Ngan Siong Hing: I thought, Sir, you said just now one must not repeat. I thought this was already quoted by the Honourable Deputy Minister, but anyway

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Please proceed.

Tuan Ngan Siong Hing: I shall read Article 48 (1) (e) once more:

"Subject to the provisions of this Article, a person is disqualified from being a member of either House of Parliament if he has been convicted of an offence by a court of law in the Federation (or, before, Malaysia Day, in the territories comprised in a Borneo State or in Singapore) and sentenced to imprisonment for a term of not less than one year or to a fine of not less than two thousand dollars and has not received a free pardon".

Then Article 50 (1) says:

"If a member of either House of Parliament becomes disqualified for membership of that House, his seat shall become vacant."

But, Sir, here in this July issue of the Malayan Law Journal, the learned Judge, the Hon. Mohamed Azmi said that such disqualification is not automatic and he also stated, Sir, in his decision in this case—this is a verbatim decision of the learned Judge—on page 42, paragraph (e)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Honourable Member, nobody has said that it is going to be automatic. I did say just now that if that comes through, then Article 50 applies but it is not automatic.

Tuan Ngan Siong Hing: But what I am contending is that it is *subjudice*.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I have ruled that it can be debated because the Motion under consideration in the House now is based on the letter of the Deputy Registrar which I read yesterday.

Tuan Ngan Siong Hing: It is based on the letter, no doubt about it, but the question of *subjudice* has to be considered.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I have made the ruling.

Tuan Ngan Siong Hing: But then you see, the Honourable Deputy Minister in proposing the Motion said that the seat has become vacant. Unless such time as all the avenues, as my friends pointed out

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sit down. You are confused. The more you read the more you are confused. (*Ketawa*).

Tuan Ngan Siong Hing: I don't think I am confused.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Now the Motion under consideration is not to disqualify him but to refer the matter to the Committee of Privileges. The Members have already been appointed. The Chairman is the Yang di-Pertua—the Speaker is the Chairman—and the Leader of the Opposition is also a Member. There are six Members besides the Chairman. So, this is just to refer the matter to the Committee of Privileges. Then it will report back to this House. Is it clear to you now?

Tuan Ngan Siong Hing: But whatever decision this House may take, Mr Speaker, Sir, I think that this Motion is most unfortunate in that it is a Motion of vengeance, as has been pointed out by those speakers before me, against those Motions which we had brought on the first day of this sitting of this House. I am quite distressed over this Motion, for one cannot see any better reason for bringing it other than one of vengeance. I hope the Honourable Minister and his henchmen and the other Honourable Ministers in front of me, can find better things to do; and if they had wanted to bring

this Motion, as was pointed out, it should have been brought seven or eight months ago. Why should it be brought up now?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sit down. I said this Motion was based on the letter which was read yesterday and since that letter was received, there had been no sitting of Parliament.

Tuan Ngan Siong Hing: Assuming that that is right, there is nothing to stop this House

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Whether it is right or not, that is my ruling. You have got to accept my ruling if you are going to sit there.

Tuan Ngan Siong Hing: Whatever may be your ruling, Sir, I think I cannot agree with this Motion, and I hope that the Honourable Deputy Minister will withdraw it.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: That you can say. To disagree with the Motion, that is your right. Ada lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap? Sila.

6.08 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, soal dan masalaah yang kita timbangkan sekarang ini patutlah dianggap sebagai satu perkara yang penting dari segi hak dan kebebasan setiap dan semua Ahli Dewan yang terhormat ini. Tanggungan dan usaha kerja yang diberi kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan (Committee of Privileges) ialah satu tanggungan yang berat yang ditetapkan untuk memperlindungan hak dan kebebasan kita bersama. Oleh sebab itu, perkara pokok yang penting ialah samada kita menerima Jawatankuasa yang telah dibentukkan itu atau tidak percaya dan menolak sifat kedudukan kuasa Jawatankuasa yang telah dibentukkan itu.

Nampaknya dari pihak Pembangkang mereka memandang perkara ini dari segi emosi oleh sebab pada kali ini perkara yang dibangkit melibati seorang daripada anggota Opposition. Ini tidak menghairankan kalau mereka merasa sebagaimana mereka merasa diwaktu ini dan memandangkan soal atau masalaah ini sebagai orang yang penuh emotion dan oleh sebab itu barangkali

mereka tidak dapat berfikir secara tenang, tidak dapat membuat hujjah-hujjah keterangan secara rational, tetapi ditujukan dengan tak tentu hala, menuduh bermacam-macam yang barangkali tidak kena pada tempatnya. Quite out of keeping to the tradition of this House, quite out of keeping with the status and dignity of Members of this House.

Saya sendiri rasa dalam usaha kita menimbangkan perkara ini, kita mesti tenang, kita mesti anggap orang yang terlibat itu bukan sebagai seorang daripada golongan parti Kerajaan ataupun orang yang daripada parti Pembangkang. Sebaliknya, saya sendiri sungguhpun saya tidak begitu kenal dengan Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng ini dan sungguhpun saya barangkali tidak sefaham dengan dia, akan tetapi dalam soal ini saya rasa tidak kira apa parti kita mesti bertimbang rasa kepadanya sebagai seorang daripada Ahli Dewan yang terhormat ini. Saya rasa langkah yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri mengemukakan usul ini ialah untuk muslihat, untuk kepentingan Dewan ini dan juga untuk muslihat dan kepentingan Ahli Yang Berhormat yang terlibat itu sendiri, oleh sebab sudah beberapa lama perkara ini tergantung. Kita masih ingat lagi oleh sebab salah sangka satu pilihanraya telah dilancarkan di dalam kawasannya oleh sebab dianggap pada waktu itu oleh mereka yang berkewajipan dan bertanggungjawab untuk mengadakan pilihanraya apabila sahaja sesuatu kerusi untuk Parlimen itu kosong. Kita masih ingat lagi. Dalam tengah-tengah itu dibatalkan pula ataupun ditarik balik, ataupun tidak dijalankan. Itupun pada segi peraturan dan cara-cara samada di Dewan ini ataupun di luar Dewan ini masih ragu-ragu, masih was-was, masih belum terang bagaimana kedudukan dan keadaan sebenar, samada kerusi itu sudah kosong ataupun belum, samada orang yang berkenaan ini masih menjadi Ahli Parlimen ataupun tidak. Akan tetapi kita dapati oleh sebab perkara ini sudah dibawa untuk diulangbicara (appeal) ke Mahkamah Persekutuan (Federal Court) ditunggu pula oleh kita semua dengan sepenuh simpati, dengan penuh perasaan sebagai rakan seperjuangan, sebagai sama-sama Ahli Dewan Rakyat ini dan pada hari semalam kita dapat keputusan yang dibacakan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan ini menyampaikan kepada Dewan ini kenyataan bahawa Mahkamah Persekutuan telah menimbangkan

ulangbicara itu dan telah memberi keputusan-nya iaitu hukuman yang telah dijatuhkan atas rakan kita memang kena pada tempatnya. Sungguhpun kita telah diberi tahu bahawa langkah-langkah telah diambil untuk melanjutkan pula perkara ini kepada satu badan yang luar daripada negeri ini untuk dipertimbangkan. Tetapi apabila ditimbulkan samada soal ini *subjudice* atau tidak. Ini bukanlah kena pada tempatnya sebab sebarang keputusan yang akan diambil oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini tidak lain melainkan cuma memberi laporan kepada Dewan ini tentang pendapatnya dan barangkali Dewan ini sendiri yang akan selepas daripada mendapat laporan itu mengambil sesuatu sikap. Itu fikiran saya.

Dalam pada itu juga timbul satu soal prinsip samada kita dan rakyat jelata seluruhnya menganggap Parlimen Malaysia ini sebagai badan yang tertinggi, sebagai badan yang diberi kuasa demi sifatnya sebagai tempat terkumpulnya seluruh Wakil Rakyat yang telah dipilih secara demokratik yang diberi kuasa untuk membuat segala undang-undang. Saya tidak tahu barangkali di lain-lain negeri termasuk negeri Inggeris sendiri, saya tidak tahu, boleh jadi di lain-lain negeri undang-undang dan perlembagaannya berlainan. Akan tetapi menurut Perlembagaan kita badan inilah dengan kedua-dua Dewan kita yang mempunyai kuasa sepenuhnya untuk mengambil keputusan muktamad dalam segala segi berkenaan dengan sebarang undang-undang untuk negeri ini. Dan soal samada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menggunakan kuasa merojok atau tidak mahu merojok, itu soal lain, samada apa keputusan, kita mesti pada saat ini mengambil satu kesimpulan bahawa ada atau tidak kita menerima dasar dan prinsip bahawa Parlimen Malaysia tidak ada badan lain samada dalam negeri ini atau di luar negeri, tetapi Parlimen Malaysia mempunyai kuasa yang setinggi-tingginya untuk membuat keputusan berkenaan sebarang undang-undang, sebarang peraturan, sebarang jenayah, sebarang dasar untuk negeri ini.

Tuan Ngan Siong Hing: On a point of order.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Point of order. Sila duduk! Apa perkaranya?

Tuan Ngan Siong Hing (*Dengan izin*): Sir, a member shall confine his observations to the subject under discussion and may not introduce matters irrelevant thereto.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I consider that relevant, because it has something to do with the Committee of Privileges. Sila teruskan.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Sir, I am sorry that I am interrupted. As I said earlier on, I am approaching this, not from a partisan point of view; I said, right from the start that I look upon this as a serious matter and we, each and every Member of this House, must approach this whole problem from the point of view of the privileges and the rights of our Members. I approach this, as I said, with great sympathy for the Honourable Member who has unfortunately been the subject of this Resolution.

Saya minta maaf, saya berbalik kepada Bahasa Malaysia. Saya gunakan bahasa Inggeris supaya dia mengerti.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dimaafkan.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Saya telah katakan tadi, apabila kita bersetuju misalnya kepada usul ini, kita hanya bersetuju supaya kedudukan seseorang Ahli Dewan ini dapat ditentukan oleh satu jawatankuasa yang telah dibentuk oleh kita sendiri berasaskan, pertamanya kepada supremacy Parlimen Malaysia. Dan Parlimen Malaysia yang supreme ini telah melantik satu badan yang diberi tugas menjaga Hak dan Kebebasan yang kita pula memberi kepercayaan, kita yang menyerahkan perkara ini menurut usul ini kepada jawatankuasa itu supaya menimbangkan. Nampaknya kawan kita di sana sudah anticipate—sudah rasa jawatankuasa ini akan bersikap sekian, akan putuskan sekian, itu yang saya dukacita. Apa salahnya, apa keputusannya kita belum tahu. Telah dibangkitkan orang yang berkenaan itu mesti diberi kesempatan dan peluang memberi keterangan, perkara itu terserah kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Kalau Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen ini berasa sewajarnya atau sepatutnya orang itu dipanggil, ditanya ataupun segala document diperiksa, itu terserah kepada kebijaksanaan Jawatankuasa itu. Kita tidak

boleh prejudice, kita tidak boleh anticipate apa hasilnya. Dan selepas kerjanya tamat, lapuran itu akan datang balik di sini, waktu itu kawan-kawan kita kalau tidak bersetuju mereka ada penuh peluang, berpeluang untuk berdiri bercakap mengeluarkan fikiran menentang sehebat-hebatnya perkara yang diputuskan itu.

Pendeknya yang disalah sangkakan barangkali ialah sudah habis, diusir, sudah salah, sudah kosong, tidak—tidak siapa kata. Cuma soalnya samada kita serah dan saya ingat demi kepentingan kehormatan Dewan ini, dan demi kedudukan sifat seseorang Ahli Majlis ini tanpa mengira apa parti, sepatutnya kita tidak jadikan perkara ini partisan, sepatutnya kita daripada semua parti dalam Dewan ini sokong sahaja usul ini supaya dapat diperlihatkan bahawa kita memberi kepercayaan yang penuh kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini dan kita tungguilah apa keputusannya kerana kita tahu apa yang akan dilakukannya, akan dilakukan menurut peraturan dan undang-undang dan akan dilakukan secara adil.

Tuan Fan Yew Teng (*Menglembu*): (*Bangun*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Menglembu baharu datang. Tadi saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab, tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat baharu datang, bolehlah bercakap, tetapi tolong ringkaskan sahaja.

6.25 ptg.

Tuan Fan Yew Teng: Pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh, ini perkara Ahli Yang Berhormat sendiri.

Tuan Fan Yew Teng: Saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I am sorry that today I am the subject of controversy in this august House. First of all, I would like to thank the Honourable Member for Kepala Batas who was trying very hard to be non-partisan—whether he succeeded in being non-partisan is another matter altogether. What I want to say shall be very brief, Sir.

I do not think my colleagues in the Opposition who so generously stood up for me this evening were questioning the power

of Parliament, or questioning the power of the Committee of Privileges to do what the majority here wants to do. The acceptance or otherwise of this Committee to deal with this matter, I think, does not arise at all.

The Honourable Member for Kepala Batas also mentioned the Privy Council and drew a question mark as to whether this Parliament of ours in Malaysia should be supreme. I am sure all of us have no quarrel with that, and we have no doubt that it must be supreme. But with regard to the Privy Council, as my comrade, the Honourable Member for Kinta pointed out, rightly or wrongly the Privy Council is still part and parcel of our legal process, of our judicial hierarchy; and whether we want to respect it or do not want to respect it is all ours to decide. But the point is this: if the Privy Council is still part and parcel of our judicial process or our legal hierarchy, we cannot have the cake and eat it.

Some Honourable Members have pointed out that today's intention to introduce this Motion is merely to refer the matter to the Committee of Privileges and that we are not deciding on the question of suspension or expulsion or whatever it is. I just want to ask: "Do you want us seriously to believe that you are moving that this Committee discuss this matter to decide as to whether I should be invited to a tea party or to decide whether I should be invited to a hunting expedition?"

6.27 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membincangkan usul yang ada di hadapan kita ini. Saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telahpun menjawab beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh pihak Pembangkang berhubung dengan masalah ini. Masalah mengapa usul ini baharu timbul sekarang, inipun telah dijelaskan tadi dan mengapa selepas hari ini sahaja baharu usul ini dikemukakan. Yang kita maklum dan saya sebutkan juga di dalam ucapan saya tadi, pada hari semalam Tuan Yang di-Pertua

telah mengumumkan tentang keputusan Mahkamah kepada Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng.

Sebagai kita Ahli-ahli Dewan yang bertanggungjawab, maka sudah tentu sesuatu tindakan perlu diambil di atas makluman itu dan dari sebab itulah usul ini dibuat pada hari ini. Dan bukanlah maksud usul ini untuk menentukan satu sikap kepada Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng malahan kita hanya mahu menyerahkan perkara ini kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan supaya Jawatankuasa itu dapat mengkaji masalah yang ada ini dan membuat keputusannya dan seterusnya mengemukakan apa-apa penyata yang akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa itu kepada Dewan yang mulia ini supaya masalah ini boleh diputuskan. Apakah cara yang kita buat ini unconstitutional atau undemocratic, ini adalah satu perkara yang menjadi nyanyian sendiri kepada pihak Pembangkang. Kalau ada perkara yang

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tarik balik Usul ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti dahulu? Jangan ganggu Ahli lain berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tidak mahu tarik balik, kita (Ahli-ahli D.A.P.) keluar sebagai protest. (*keluar dari Dewan*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau Ahli Yang Berhormat hendak keluar, tidak ada siapa yang menegah.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Saya merasa keciwa di atas sikap Pembangkang yang serupa ini yang tidak menghormati kepada seseorang yang sedang bercakap dan saya pun belum lagi membuat keputusan apa-apa malahan keputusan itu akan dibuat oleh Dewan ini sendiri samada hendak terima ataupun hendak menolaknya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjangkah lagi Yang Berhormat?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Belum habis lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau belum habis, boleh sambung esok.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Kerana saya diganggu tadi oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya tidak dapat habiskan jawabannya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung semula pada hari Selasa.

Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Selasa, 4hb November, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.33 petang.